- 1.5 Bagi tujuan untuk pengiraan tempoh masa bagi mana-mana tempoh yang diperuntukkan di sini ataupun apabila suatu tindakan dikehendaki untuk dilaksanakan dalam satu tempoh yang khusus atau dari tarikh tersebut, tempoh berkenaan hendaklah termasuk tarikh berkenaan dan bermula darinya. Sekiranya tempoh tersebut tamat pada satu hari yang bukan hari kerja, tempoh tersebut akan dianggap tamat pada hari kerja yang kebesokannya.
- 1.6 Apa-apa istilah teknikal yang tidak ditakrifkan dalam Perjanjian ini secara spesifik hendaklah ditafsirkan mengikut penggunaan atau takrif yang biasa dalam industri atau profesion di negara tersebut yang mana istilah tersebut digunakan.

2.0 HARGA KONTRAK

- 2.1 Sebagai balasan kepada Perkhidmatan tersebut yang dilaksanakan oleh Kontraktor, Datuk Bandar akan membayar kepada Kontraktor berjumlah Ringgit Malaysia _____ (RM _____) (selepas ini dirujuk sebagai “Harga Kontrak”).
- 2.2 Harga Kontrak yang dinyatakan adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak di dalam Perjanjian ini. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membayar dan tertakluk kepada apa-apa cukai yang berkuatkuasa yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan dari semasa ke semasa.

3.0 TEMPOH PERJANJIAN

Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa selama _____ () hari / bulan / tahun dan berkuatkuasa pada _____ sehingga _____ atau pada satu tempoh masa lanjutan yang dibenarkan di bawah Klausula 17.0 Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai “Tempoh Perjanjian”).

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- 4.1 Datuk Bandar bersetuju menawarkan kepada Kontraktor untuk melaksanakan Perkhidmatan tersebut dan Kontraktor bersetuju untuk menyediakan Perkhidmatan tersebut kepada Datuk Bandar sepanjang Tempoh Perjanjian ini seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran D** Perjanjian ini.
- 4.2 Kontraktor hendaklah melaksanakan dan menyempurnakan Perkhidmatan tersebut bagi pihak Datuk Bandar dan sentiasa menurut arahan Datuk Bandar dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma Perjanjian ini.
- 4.3 Kontraktor akan menyempurnakan Perkhidmatan tersebut serta bertanggungjawab ke atas segala tugas, liabiliti, obligasi dan tanggungjawab yang tertera dalam Perjanjian ini semua syarat dan terma yang dinyatakan dalam Lampiran.
- 4.4 Perkhidmatan tersebut hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam Skop Perkhidmatan. Sekiranya tempoh tersebut tidak dilanjutkan dengan persetujuan secara bertulis oleh Datuk Bandar, maka Kontraktor hendaklah menyempurnakan Perkhidmatan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 4.5 Kontraktor hendaklah, pada tiap-tiap penyempurnaan Perkhidmatan tersebut memberi satu laporan dan perakuan bertulis sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar bagi tujuan menentukan kualiti Perkhidmatan tersebut agar ianya selaras dengan Skop Perkhidmatan yang telah ditetapkan.
- 4.6 Perkhidmatan yang dilakukan oleh Kontraktor adalah tertakluk kepada penerimaan bersyarat daripada Datuk Bandar selaras dengan kualiti yang ditentukan dalam skop perkhidmatan.
- 4.7 Walau apapun yang diperuntukkan di bawah klausa 4.0 Perjanjian ini, Datuk Bandar adalah sentiasa berhak untuk membuat penilaian selepas daripada Perkhidmatan tersebut disempurnakan bagi memastikan Perkhidmatan tersebut selaras dengan kualiti yang ditentukan dalam Skop Perkhidmatan atau spesifikasi.

5.0 KAEDAH PEMBAYARAN

5.1 Pembayaran bagi Perkhidmatan tersebut akan dibuat oleh Datuk Bandar dalam matawang Ringgit Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan oleh Datuk Bandar selepas Kontraktor menyempurnakan Perkhidmatan tersebut dan mengemukakan dokumen-dokumen berikut :

5.1.1 Satu (1) salinan *Delivery Order*;

5.1.2 Dua (2) salinan Invois;

5.1.3 Penyerahan Laporan Tahap Penyempurnaan Perkhidmatan secara bulanan oleh Kontraktor sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar setelah Perkhidmatan tersebut telah diselesaikan dengan sempurna serta mendapat persetujuan Datuk Bandar.

5.2 Datuk Bandar berhak memotong sama ada keseluruhan atau sebahagian dari sebarang bayaran atau mana-mana wang yang perlu dibayar kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini bagi Perkhidmatan tersebut yang dilaksanakan sekiranya Kontraktor gagal melaksanakan dan/atau melanggar mana-mana terma, syarat dan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini

5.3 Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan dalam memproses pembayaran kepada Kontraktor yang dikehendaki di bayar di bawah Klausu 2.1 Perjanjian ini disebabkan kelewatan dan/atau kelengahan Kontraktor mengemukakan dokumen-dokumen yang dinyatakan di Klausu 5.1 di atas.

6.0 SYARAT-SYARAT MULA PERKHIDMATAN

6.1 Sebagai syarat-syarat terdahulu sebelum memulakan Perkhidmatan tersebut, Kontraktor adalah dikehendaki untuk mengemukakan kepada Datuk Bandar dokumen-dokumen berikut:-

6.1.1 Bon Pelaksanaan menurut Klausu 7.0 Perjanjian ini;

6.1.2 Perlindungan Keseluruhan Kontraktor (*Contractor's All Risk Policy*) termasuk Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada **Ringgit Malaysia** _____ (**RM** _____) **Sahaja** untuk tiap-tiap kejadian bencana;

- 6.1.3 Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan/atau;
- 6.1.4 Polisi Insurans Pampasan Pekerja berjumlah tidak kurang daripada **Ringgit Malaysia _____ (RM _____) Sahaja** bagi pekerja yang tidak termasuk di bawah Skim PERKESO (merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja-pekerja Kontraktor yang tidak termasuk di bawah Skim PERKESO);
- 6.1.5 Salinan yang disahkan oleh syarikat Borang 9, Borang 13 (sekiranya ada), *Memorandum and Articles of Association*, Borang 24 dan Borang 49 Syarikat Kontraktor yang terkini bagi Syarikat Sendirian Berhad ATAU Salinan Borang D / Borang E dan Borang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syarikat Enterprise; dan
- 6.1.6 Salinan Resolusi Pengarah melantik seorang wakil Kontraktor yang diwakilkan kuasa secara sah untuk menurunkan meterai rasmi dan menandatangani Perjanjian ini bagi pihak Kontraktor.

7.0 BON PELAKSANAAN

- 7.1 Kontraktor dikehendaki mendeposit dengan Datuk Bandar satu bon pelaksanaan tak boleh batal dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Insurans atau Deraf Bank atau Tunai atau Bayaran Secara Interim (selepas ini dirujuk sebagai "Bon Pelaksanaan") bagi pelaksanaan Perjanjian ini sepenuhnya.
- 7.2 Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah sah dan berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian. (selepas ini dirujuk sebagai "Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan").
- 7.3 Sekiranya satu tempoh masa lanjutan dibenarkan atau diluluskan oleh Datuk Bandar di bawah Klausa 17.0 Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah memperbaharui Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan empat belas (14) hari sebelum tamatnya Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan yang pertama.
- 7.4 Nilai Bon Pelaksanaan untuk pelaksanaan Perjanjian ini hendaklah bersamaan _____ **peratus** (____%) daripada Harga Kontrak iaitu Ringgit Malaysia _____ **(RM _____) Sahaja.**

- 7.5 Bon Pelaksanaan atau apa-apa baki yang masih ada kredit untuk Kontraktor akan dikembalikan kepada Kontraktor tanpa sebarang faedah setelah tamat Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan ini.
- 7.6 Adalah dipersetujui bahawa Datuk Bandar boleh menggunakan dan membuat bayaran daripada atau penolakan sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripada Bon Pelaksanaan tersebut jika Kontraktor gagal menyempurnakan mana-mana syarat dan terma-terma yang tertera di dalam Perjanjian ini.

8.0 TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

8.1 Kontraktor hendaklah sepanjang Tempoh Perjanjian ini:-

- 8.1.1 menyediakan Perkhidmatan tersebut tepat pada masanya, cekap dan profesional dengan menepati, mematuhi terma-terma dan syarat-syarat sepertimana yang terkandung dalam Perjanjian ini;
- 8.1.2 menyediakan pada tiap-tiap penyempurnaan Perkhidmatan tersebut dengan memberi satu laporan dan perakuan bertulis mengikut format yang ditentukan oleh Datuk Bandar bagi tujuan menentukan kualiti Perkhidmatan tersebut agar ianya selaras dengan Skop Perkhidmatan yang telah ditetapkan yang telah dilaksanakan;
- 8.1.3 memastikan perkhidmatan penyelenggaraan yang diberi dan dibekalkan di bawah Perjanjian ini mestilah berkualiti, keluaran semasa, baru, tulen dan belum digunakan;
- 8.1.4 memastikan bahawa semua kakitangan Kontraktor yang terlibat mempunyai kelayakan yang sesuai dan berpengalaman dan bertindak dengan sebaik-baiknya;
- 8.1.5 hendaklah pada setiap masa bersedia dan mempunyai kepakaran, keupayaan, pengetahuan dan tenaga kerja yang mencukupi serta mempunyai permit kerja yang sah untuk menyediakan Perkhidmatan tersebut;
- 8.1.6 memastikan hanya pegawai yang kompeten sahaja melaksanakan Perkhidmatan tersebut dan memastikan semua keperluan berkaitan dengan piawaian keselamatan dipatuhi oleh Kontraktor;

- 8.1.7 melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini dengan mematuhi kesemua undang-undang yang berkaitan;
- 8.1.8 bersetuju untuk menyempurnakan Perjanjian ini serta bertanggungjawab ke atas tugas, liabiliti, dan tanggungjawab yang tertera di dalam Perjanjian ini serta sentiasa memelihara kepentingan Datuk Bandar;
- 8.1.9 tidak boleh berkelakuan buruk sehingga boleh menjatuhkan reputasi Datuk Bandar semasa melaksanakan Perkhidmatan tersebut;
- 8.1.10 tidak akan membuat permohonan untuk menaikkan harga di dalam apa-apa keadaan sekalipun dalam tempoh perjanjian; dan
- 8.1.11 mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar dari semasa ke semasa sama ada secara bertulis atau lisan berhubung dengan pelaksanaan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini.

9.0 HAK DATUK BANDAR

9.1 Sekiranya Datuk Bandar mendapati sepanjang Tempoh Perjanjian perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kontraktor:-

- 9.1.1 tidak selaras dengan Klausula 8.0 dan skop perkhidmatan yang dinyatakan di **Lampiran D**; atau
- 9.1.2 melainkan diperuntukkan di Klausula 17.0 Perjanjian ini, lewat disempurnakan oleh Kontraktor sebagaimana tempoh yang ditetapkan oleh Datuk Bandar di Klausula 3.0 Perjanjian ini;

maka tanpa prejudis kepada hak Datuk Bandar yang lain untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana tindakan yang berikut:-

- (a) menolak Perkhidmatan Klausula 9.1.1 dan Klausula 9.1.2 dan Datuk Bandar boleh mengarahkan Kontraktor melaksanakan semula Perkhidmatan tersebut; dan/atau
- (b) Kontraktor atas kosnya sendiri dan apabila dimaklumkan oleh Datuk Bandar secara bertulis menggantikan Perkhidmatan yang tidak selaras dengan dengan Klausula 8.0 dan skop perkhidmatan yang dinyatakan di **Lampiran D**; dan/atau

- (c) Sekiranya Kontraktor masih gagal menggantikan Perkhidmatan yang tidak selaras, Datuk Bandar berhak untuk mendapatkan penggantian Kontraktor dari punca lain untuk melaksanakan Perkhidmatan tersebut sebagaimana yang difikirkan sesuai di mana kos yang terlibat bagi penggantian tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor; dan/atau
- (d) Menamatkan Perjanjian ini.

10.0 REPRESENTASI DAN WARANTI

10.1 Kontraktor memberikan representasi dan waranti kepada Datuk Bandar bahawa:

- 10.1.1 ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan sah dan diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia;
- 10.1.2 ia mempunyai kuasa untuk memasuki dan melaksanakan Perkhidmatan tersebut dalam Perjanjian ini;
- 10.1.3 ia telah mengambil segala tindakan-tindakan yang perlu untuk memasuki dan melaksanakan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini;
- 10.1.4 pada tarikh berkuat kuasa Kontraktor adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] / Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197] dan pelaksanaan atau perjalanan Perjanjian ini tidak menyalahi atau melanggar dalam apa jua cara sekalipun peruntukan atau apa-apa perkara berkenaan dengan Memorandum atau Perlembagaan atau apa-apa dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
- 10.1.5 ia tidak tertakluk kepada apa-apa litigasi perundangan pada waktu semasa atau waktu yang tertangguh atau pada pengetahuannya boleh menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini;
- 10.1.6 ia tiada litigasi, timbang tara, tuntutan cukai, pertikaian atau prosiding pentadbiran pada masa ini atau yang belum selesai atau dalam pengetahuan Kontraktor, yang menjejaskan, mempunyai kesan yang merosakkan terhadap Kontraktor atau terhadap keupayaannya melaksanakan tanggungjawab kewangan atau tanggungjawab lain dalam Perjanjian ini;

- 10.1.7 Perjanjian ini merupakan tanggungjawab yang sah dari segi perundangan dan mengikat Kontraktor dan berkuatkuasa mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini; dan
- 10.1.8 ia mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan teknikal untuk melaksanakan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini dan Kontraktor mengakui bahawa Datuk Bandar memasuki Perjanjian ini dengan Kontraktor berdasarkan representasi dan waranti Kontraktor yang dinyatakan di atas.

11.0 GANTIRUGI TETAP & TERTENTU (LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES)

Tanpa menjejaskan hak Datuk Bandar untuk menamatkan Perjanjian ini, sekiranya Kontraktor gagal melaksanakan keseluruhan atau mana-mana bahagian Perkhidmatan tersebut atau lewat menyempurnakan Perkhidmatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Datuk Bandar, maka Datuk Bandar boleh mengenakan gantirugi tetap & tertentu (LAD) kepada Kontraktor sebanyak ...% dari jumlah Arahkan Kerja bagi kelewatan setiap hari hingga tarikh penyempurnaan Perkhidmatan tersebut atau mana-mana bahagiannya.

12.0 KEMUNGKIRAN

- 12.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain yang dipunyai oleh Datuk Bandar, sekiranya Kontraktor melakukan kemungkiran mana-mana satu atau lebih daripada perkara-perkara yang berikut:-
- 12.1.1 dengan tanpa sebab yang munasabah menggantungkan pelaksanaan keseluruhan atau mana-mana bahagian Perkhidmatan tersebut; atau
- 12.1.2 gagal menepati, mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma, syarat dan tanggungjawabnya sepertimana terkandung di dalam Perjanjian ini atau mana-mana dokumen yang dilampirkan bersama-sama Perjanjian ini; atau
- 12.1.3 dengan sengaja mengabaikan tanggungjawabnya untuk melaksanakan Perkhidmatan tersebut secara berterusan sepertimana yang terkandung dalam Perjanjian ini; atau
- 12.1.4 mengolah atau mengabai secara berterusan dalam mematuhi apa-apa arahan bertulis atau lisan yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar;

maka Datuk Bandar boleh dengan memberi notis secara bertulis kepada Kontraktor untuk membaikpulih kemungkiran tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis tersebut (selepas ini dirujuk sebagai “Notis Membaiki Kemungkiran”). Datuk Bandar berhak menahan atau mencairkan Bon Pelaksanaan di bawah Klausa 7.0 Perjanjian ini sehingga segala kemungkiran di atas telah dibaikpulih dalam tempoh yang dipersetujui dari tarikh Notis Membaiki Kemungkiran.

12.2 Sekiranya kemungkiran tersebut masih berterusan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam Notis Membaiki Kemungkiran tersebut, maka Datuk Bandar berhak menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis untuk menamatkan Perjanjian ini serta merta (selepas ini dirujuk sebagai “Notis Penamatan”).

12.3 Sekiranya Kontraktor:-

12.3.1 memasuki likuidasi sama ada secara wajib atau sukarela (kecuali untuk tujuan pembinaan semula, penyatuan atau tujuan-tujuan lain yang serupa) atau menjadi insolven dan mendapat perintah penggulungan dari pemiutang-pemiutang atau melakukan tindakan yang boleh menjejaskan kedudukan Kontraktor dalam apa cara sekalipun; atau

12.3.2 disabitkan dengan kesalahan jenayah di bawah peruntukan undang-undang yang sah dan berkuatkuasa;

12.3.3 berhadapan kejadian *force majeure* sepertimana dinyatakan dalam Klausa 16.0 Perjanjian ini berlaku secara berterusan selama (6) bulan berturut-turut;

maka Datuk Bandar berhak menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis kepada Kontraktor bagi menamatkan Perjanjian ini serta merta.

13.0 PENAMATAN PERJANJIAN

13.1 Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan:-

13.1.1 menurut Klausula 12.2; atau

13.1.2 Klausula 12.3; atau

13.1.3 Klausula 14.0 ; atau

13.1.4 sekiranya kejadian force majeure sepertimana dinyatakan dalam Klausula 16.0 Perjanjian ini berlaku secara berterusan selama enam (6) bulan berturut-turut; atau

13.1.5 Klausula 25.0;

maka tanpa prejudis terhadap hak-hak Datuk Bandar untuk mengambil tindakan terhadap Kontraktor bagi mana-mana perkara di bawah:-

- (a) Kontraktor hendaklah memberhentikan segala kerja-kerja yang dikendalikan berhubung Perkhidmatan tersebut;
- (b) Datuk Bandar berhak merampas Bon Pelaksanaan atau sebahagian daripadanya dan menggunakan serta membuat apa-apa bayaran daripadanya;
- (c) Apa-apa kerja-kerja yang dikendalikan oleh Kontraktor berhubung Perkhidmatan tersebut, sama ada dilaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya adalah menjadi hakmilik Datuk Bandar sepenuhnya tanpa sebarang pampasan atau gantirugi diberikan kepada Kontraktor;
- (d) Segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Datuk Bandar bagi lantikan Kontraktor yang baru untuk menyempurnakan Perkhidmatan tersebut hendaklah ditanggung dan dibiayai oleh Kontraktor dan Datuk Bandar berhak membuat tuntutan sedemikian terhadap Kontraktor;
- (e) membayar Perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh Kontraktor dan disahkan dengan sempurna oleh Datuk Bandar sebelum tarikh berkuatkuasanya penamatan tersebut.

14.0 PENAMATAN KEDUA-DUA PIHAK

Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Klausa 3.0 Perjanjian ini, mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa tanpa keperluan menyatakan sebab dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada pihak yang satu lagi. Datuk Bandar dan Kontraktor bersetuju sekiranya penamatan dibuat di bawah Klausa 14.0 Perjanjian ini, Kontraktor tidak boleh menuntut apa-apa pampasan atau ganti rugi melainkan bayaran bagi Perkhidmatan yang telah dilaksanakan dan disahkan oleh Datuk Bandar dengan sempurna sebelum tarikh penamatan sedemikian.

15.0 REMEDI

- 15.1 Walau apa jua peruntukan Perjanjian ini, Datuk Bandar adalah bebas untuk mengambil apa-apa tindakan yang perlu di bawah undang-undang untuk memaksa Kontraktor dengan cara pelaksanaan spesifik untuk melaksanakan Perkhidmatan tersebut berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini. Bagi tujuan tersebut Kontraktor memperakui bahawa remedi alternatif dalam bentuk wang pampasan tidak boleh dianggap sebagai pampasan atau pampasan yang mencukupi bagi apa-apa kemungkiran oleh satu Pihak bagi pelaksanaan terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini. Sebagai alternatifnya Datuk Bandar boleh membuat tuntutan terhadap Kontraktor di bawah Perjanjian ini.
- 15.2 Tiada sebarang kegagalan di pihak Datuk Bandar dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang tertangguh oleh Datuk Bandar di bawah Perjanjian ini berhubung dengan apa-apa kemungkiran di pihak Kontraktor akan merosakkan mana-mana hak, kuasa keistimewaan atau remedi sedemikian atau ditafsirkan sebagai penepian untuknya atau akuiesensnya mengenai kemungkiran tersebut dan apa-apa tindakan oleh Datuk Bandar berkaitan dengan apa-apa akuiesens mengenai mana-mana kemungkiran sedemikian tidak akan menjejaskan atau merosakkan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi Datuk Bandar berkaitan dengan mana-mana kemungkiran yang lain seterusnya.

16.0 FORCE MAJEURE

- 16.1 Walau apapun yang terkandung di dalam Perjanjian ini, Datuk Bandar atau Kontraktor tidaklah melanggar mana-mana obligasi mereka di bawah Perjanjian ini seandainya Pihak atau Pihak-Pihak tidak boleh melaksanakan mana-mana obligasi-obligasi tersebut akibat dari berlakunya mana-mana satu *Force majeure*.

16.2 "*Force majeure*" hendaklah bermaksud:

- 16.2.1 perang, huru-hara (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) serangan, tindakan musuh-musuh luar, pemberontakan, revolusi, kebangkitan rakyat, ketenteraan atau rampasan kuasa, perang saudara, keganasan; atau
 - 16.2.2 radiasi atau pencemaran oleh radioaktif dari mana-mana pembakaran nuklear atau dari mana-mana bahan buangan nuklear, radioaktif, toksik ledakan atau lain-lain barangan berbahaya dari mana-mana cantuman ledakan nuklear atau komponen tersebut; atau
 - 16.2.3 bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, tanah runtuh, petir atau apa-apa kejadian alam di mana Kontraktor tidak dapat menjangkakannya secara munasabah untuk mengambil langkah-langkah yang efektif; atau
 - 16.2.4 rusuhan atau kacau bilau, mogok, lockout, keresahan buruh atau lain-lain gangguan industri (yang meninggalkan kesan terhadap pelaksanaan Perjanjian ini) yang bukannya merupakan kesalahan Kontraktor yang menyebabkan mana-mana Pihak di sini melaksanakan obligasi-obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini.
- 16.3 Setiap Pihak hendaklah segera memaklumkan secara bertulis kepada Pihak yang satu lagi mengenai mana-mana kejadian *Force majeure* yang menyentuh obligasinya di bawah Perjanjian ini berserta dengan maklumat lengkap mengenai kejadian tersebut dan akibat daripada kejadian demikian terhadap pelaksanaan Perkhidmatan tersebut.
- 16.4 Sekiranya keadaan *Force majeure* berlaku dan Kontraktor tidak dapat melaksanakan obligasinya di dalam Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah segera memaklumkan keadaan tersebut kepada Datuk Bandar dan hendaklah menggunakan usahanya yang terbaik untuk mengurangkan sebarang kelewatan atau gangguan terhadap pelaksanaan Perkhidmatan tersebut dan sentiasa prihatin untuk mengurangkan ke tahap paling minimum segala kos dan perbelanjaan yang dijangkakan akibat daripada keadaan sedemikian.
- 16.5 Jika kejadian *Force majeure* berterusan selama enam (6) bulan dan Pihak-Pihak secara munasabah berpendapat kejadian *Force majeure* itu amat teruk atau berterusan untuk tempoh masa yang secara efektifnya mengecewakan tujuan asal

Perjanjian ini, dan jika dipersetujui oleh Pihak-Pihak Perjanjian ini bolehlah ditamatkan.

17.0 LANJUTAN MASA

- 17.1 Jika pada bila-bila masa Kontraktor menghadapi masalah kelewatan yang berkemungkinan tidak dapat dan/atau tidak dapat menyempurnakan Perkhidmatan tersebut dalam tempoh masa yang telah dipersetujui di dalam Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah memaklumkan dengan secepat mungkin masalah yang dihadapi tersebut kepada Datuk Bandar serta memohon secara bertulis dari Datuk Bandar satu lanjutan tempoh masa yang munasabah. Permohonan bertulis hendaklah di buat sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tamatnya tempoh bagi mana-mana bahagian dalam jadual penyiapan Perkhidmatan yang didapati lewat dari jadual asal.
- 17.2 Datuk Bandar sentiasa berhak menggunakan budibicara untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan lanjutan masa tersebut tertakluk kepada apa-apa syarat tambahan yang akan dikenakan oleh Datuk Bandar terhadap Kontraktor.
- 17.3 Sekiranya satu tempoh masa lanjutan tidak diluluskan oleh Datuk Bandar, maka Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa di dalam tempoh yang ditetapkan dan Kontraktor hendaklah dikenakan gantirugi tetap & tertentu (LAD) sepertimana dinyatakan di dalam Klausula 11.0 Perjanjian ini bagi mana-mana bahagian Perkhidmatan yang lewat.

18.0 MENDAPATKAN PERKHIDMATAN DARI PUNCA YANG LAIN

Walau apapun yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, Datuk Bandar berhak mendapatkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan Perkhidmatan ini daripada punca-punca lain yang difikirkan sesuai dan munasabah oleh Datuk Bandar dari mana-mana sumber komersil di luar tanpa mengambil kira bahawa Perkhidmatan sedemikian digunakan dalam lingkungan kawasan berkenaan sepanjang Tempoh Perjanjian ini berkuatkuasa.

19.0 NASIHAT TEKNIKAL

Kontraktor bersetuju memberi khidmat nasihat teknikal selain apa yang terkandung di dalam Perjanjian ini secara percuma kepada Datuk Bandar atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Datuk Bandar berhubung Perkhidmatan yang dilaksanakan di bawah Perjanjian ini bagi tujuan memastikan berfungsi dan beroperasi dengan baik pada setiap masa sepanjang Tempoh Perjanjian ini berkuat kuasa.

20.0 BEKALAN DOKUMENTASI

- 20.1 Semua dokumentasi milik Datuk Bandar sekiranya ada yang bercetak, CD, disket atau sebarang media lain yang dibekalkan, disediakan dan diberikan kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini adalah di anggap sulit, rahsia dan menjadi hak milik mutlak Datuk Bandar.
- 20.2 Segala data, dokumentasi dan maklumat yang berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut yang diperolehi atau dibekalkan oleh/kepada Datuk Bandar kepada/oleh Kontraktor hendaklah sentiasa menjadi hakmilik Datuk Bandar dan Kontraktor tidak dibenarkan untuk menggunakannya bagi kegunaan mana-mana pihak lain selain untuk tujuan Perkhidmatan ini sahaja. Walaubagaimanapun Datuk Bandar hendaklah mempunyai hak yang eksklusif terhadap data, maklumat dan dokumentasi yang terbit/terhasil dari Perkhidmatan ini untuk tujuan perkongsian atau apa-apa tujuan lain dengan mana-mana pihak ketiga.
- 20.3 Adalah dipersetujui bahawa Kontraktor hendaklah mengemukakan maklumat, data dan laporan apabila diperlukan oleh Datuk Bandar sepanjang Tempoh Perjanjian ini dan Kontraktor juga hendaklah mengembalikan segala data, dokumentasi dan maklumat yang terbit/terhasil dari Perkhidmatan ini kepada Datuk Bandar apabila tamatnya Tempoh Perjanjian.

21.0 SIJIL

Kontraktor hendaklah mengemukakan dengan setiap penyempurnaan Perkhidmatan tersebut yang dilaksanakan satu sijil yang menerangkan kualiti Perkhidmatan tersebut yang disempurnakan selaras dengan Skop Perkhidmatan yang dipersetujui berdasarkan Perjanjian ini ditawarkan atau kualiti yang ditetapkan dalam spesifikasi tawaran mengikut mana yang berkaitan yang dilampirkan bersama-sama Perjanjian ini.

22.0 TENAGA KERJA

- 22.1 Kontraktor hendaklah sentiasa melaksanakan perkhidmatan ini dengan bilangan kakitangan yang mencukupi, cekap, berkecayaan dan berpengalaman bersesuaian dengan pelaksanaan Perkhidmatan ini. Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar dari masa ke semasa mengenai penambahan atau pengurangan kakitangan yang akan digunakan untuk melaksanakan Perkhidmatan tersebut di bawah Perjanjian ini.
- 22.2 Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa perbuatan, ketinggalan atau perkara-perkara yang dilakukan oleh kakitangannya berhubung dengan pelaksanaan Perkhidmatan tersebut di bawah Perjanjian ini.

23.0 HARTA INTELEK

Kontraktor hendaklah sentiasa melindungi dan menanggung rugi Datuk Bandar dari segala tuntutan, kos, tanggungan dan prosiding bagi atau sebab pelanggaran terhadap apa-apa hak paten, reka bentuk tanda niaga atau nama dagangan atau hak-hak lain yang terlindung terhadap apa-apa bahan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut atau sebahagian daripadanya dan dari segala tuntutan, desakan, prosiding, ganti rugi, caj dan apa jua perbelanjaan mengenai atau berhubung dengannya. Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, Kontraktor hendaklah membayar segala bayaran royalti, sewaan, fi dan bayaran-bayaran lain atau pampasan (jika ada) bagi bahan-bahan atau barang-barang lain yang dikehendaki bagi pelaksanaan Perkhidmatan tersebut atau sebahagian daripadanya.

24.0 PINDAAN / PERUBAHAN

Perjanjian ini boleh dipinda, ditambahkan atau diubah pada bila-bila masa dengan persetujuan Pihak-Pihak. Segala pindaan, tambahan atau perubahan hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh wakil-wakil yang diberi kuasa di bawah Perjanjian ini dan pembiayaan sebarang kos hendaklah dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

25.0 SOGOKAN DAN RASUAH

Sekiranya selepas Kontraktor bersetuju menerima tawaran bagi Perkhidmatan tersebut, Kontraktor didapati bersalah atas sebarang kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] atau sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa, Datuk Bandar boleh tanpa pampasan dengan memberi notis bertulis penamatan Perjanjian ini, melepaskan Kontraktor dari obligasinya sebelum tarikh penamatan sedemikian.

26.0 KOS

- 26.1 Kontraktor hendaklah membayar semua kos berkaitan dengan penyediaan Perjanjian ini termasuklah kos peguam Kontraktor dan lain-lain kos yang berkaitan dengannya.
- 26.2 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk membayar semua duti setem dan fi pendaftaran yang perlu di bayar bagi atau selaras dengan Perjanjian ini dan apa-apa penalti yang perlu di bayar berkaitan dengannya.
- 26.3 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk membayar semua cukai yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan bagi pihak Datuk Bandar untuk Perkhidmatan tersebut menurut peruntukan Perjanjian ini.

27.0 NOTIS

- 27.1 Apa-apa notis atau dokumen lain yang hendak diserahkan atau diberikan di bawah Perjanjian ini dan semua perhubungan lain antara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini yang berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan atau dihantar dengan tangan atau pos berdaftar kepada Pihak yang satu lagi di alamat yang diberikan di bawah atau alamat yang lain yang diberikan oleh Pihak yang satu lagi secara notis bertulis:

Bagi Pihak Datuk Bandar:-

Pengarah
Jabatan
Alamat Jabatan
Tel :
Faks :

Emel :

Bagi Pihak Kontraktor:-

Pengarah

Nama Syarikat

Alamat Syarikat

Tel :

Faks :

Emel :

- 27.2 Semua notis dan dokumen sedemikian hendaklah disediakan dalam Bahasa Malaysia. Apa-apa notis atau dokumen hendaklah di anggap telah diserahkan atau disampaikan dengan sempurna dan di terima oleh Pihak yang ditujukan sekiranya diserahkan dengan tangan, pada masa serahan atau melalui pos berdaftar atau melalui emel rasmi yang dinyatakan di atas.
- 27.3 Sebarang pertukaran alamat surat menyurat oleh Kontraktor hendaklah dimaklumkan kepada Datuk Bandar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pertukaran alamat tersebut.

28.0 PERKARA-PERKARA AM DAN WAAD

Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini hendaklah memberikan semua bantuan dan maklumat yang berkenaan kepada Pihak yang satu lagi dan menyempurnakan dan melakukan dan mengusahakannya daripada semua orang dan syarikat yang perlu, jika ada, untuk menyempurnakan dan melakukan tindakan, surat ikatan, jaminan seterusnya dan perkara munasabah yang diperlukan supaya kuatkuasa sepenuhnya boleh dilaksanakan bagi terma dan syarat Perjanjian ini.

29.0 KERAHSIAAN

- 29.1 Kecuali dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pihak yang mempunyai maklumat ataupun disebabkan oleh keperluan undang-undang, tiada Pihak pada bila-bila masa sekalipun dibenarkan memberitahu, mendedahkan atau berkomunikasi dengan apa cara juga, kepada orang lain apa-

apa perkara atau maklumat sulit yang diperolehi atau didedahkan di bawah Perjanjian ini.

- 29.2 Tiada pengiklanan mengenai Perjanjian ini boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang lain atau didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga oleh satu Pihak, melainkan jika pengiklanan atau pendedahan itu dipersetujui dan diluluskan oleh Pihak yang satu lagi secara bertulis.

30.0 PENGGANTI DAN PENERIMA SERAHAK

Perjanjian ini hendaklah mengikat dan kekal bagi faedah penerima serahak yang dibenarkan dan pengganti jawatan Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini. Tiada serahak boleh dibuat oleh salah satu Pihak kecuali dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak secara bertulis.

31.0 KETAHSAHAN DAN KEBOLEH ASINGAN

- 31.1 Sekiranya mana-mana terma, syarat, ketetapan, peruntukan, waad atau akujanji dalam Perjanjian ini di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau didapati oleh mana-mana mahkamah atau badan pentadbiran yang mempunyai bidang kuasa kompeten terhadapnya menyalahi undang-undang, terbatal, tak sah, dilarang atau tidak berkuatkuasa maka:-

31.1.1 terma, syarat, ketetapan, peruntukan, waad atau akujanji berkenaan hendaklah menjadi terbatal, tak sah, dilarang atau tidak berkuatkuasa setakat mana ia menyalahi undang-undang tersebut;

31.1.2 terma, syarat, ketetapan, peruntukan, waad atau akujanji yang lain dalam Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa sepenuhnya dan terpakai;

- 31.2 Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini hendaklah menggunakan usahanya yang terbaik untuk berbincang dan memersetujui terma, syarat, ketetapan, peruntukan, waad atau akujanji gantian.

32.0 UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

- 32.1 Perjanjian ini dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini sentiasa tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
- 32.2 Kontraktor hendaklah sentiasa mematuhi segala polisi, prosidur dan peraturan Datuk Bandar semasa menjalankan tanggungjawabnya di dalam Perjanjian ini.

33.0 MASA

Masa di mana-mana sahaja yang dinyatakan hendaklah menjadi asas perjanjian ini.

(selanjutnya mukasurat ini hendaklah dibiarkan kosong)

PADA MENYAKSIKAN PERKARA-PERKARA DI ATAS, Pihak-Pihak tersebut di dalam perjanjian dengan ini menurunkan tandatangan mereka dan memeteraikan Perjanjian ini pada hari dan tahun yang ternyata di atas.

Meteri Rasmi]

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR]

diturunkan menurut]

Akta Ibu Kota Persekutuan 1960]

Mohor Rasmi]

NAMA SYARIKAT]

(NO. SYARIKAT: _____)]

diturunkan di hadapan]

.....
PENGARAH

.....
**SAKSI/ ORANG YANG DIWAKILKAN
KUASA**

Nama :

No K/P :

Nama :

No K/P :

DOKUMEN-DOKUMEN LAMPIRAN

BIL	DOKUMEN	LAMPIRAN
1.	Dokumen Tawaran termasuklah; a) Syarat Kontrak; b) Borang Tender; c) Ringkasan Tender/Jadual Kadar Harga; dan Spesifikasi d) Skop Perkhidmatan	A
2.	Surat Setujuterima Dan Surat Perakuan Pengesahan Penerimaan	B
3.	Surat Arahan Menjalankan Kerja	C
4.	Skop Perkhidmatan / Spesifikasi	D
5.	Bon Pelaksanaan/Cagaran	E
6.	Polisi Insurans	F
7.	Borang 9, 24, 49, <i>Memorandum And Article Of Association</i> Dan Resolusi Pengarah; ATAU Borang D,Borang E Bagi Syarikat Enterprise	G
8.	Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM),Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Sijil CIDB Dan Lampiran-Lampiran Lain (Jika Ada)	H
9.	Sijil Pendaftaran Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST)	I

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN
LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI PERDANA KUALA LUMPUR
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAHAGIAN 6. SKOP KERJA

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBKIL SAHAJA

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN
LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.**

SKOP KERJA

1.0 PENGENALAN

Taman Botani Perdana dianggarkan berkeluasan 70 hektar dan terletak di pusat bandar Kuala Lumpur. Taman ini dibuka setiap hari **bermula jam 6.30 pagi** hingga **jam 10.00 malam**. Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap ini adalah merangkumi kawasan-kawasan seperti berikut :

2.0 SKOP KERJA

BIL.	BUTIR-BUTIR	ANGGARAN PANJANG / KELUASAN / BILANGAN
A	KAWASAN	
1	TAMAN BOTANI PERDANA TERMASUK 1 METER SELEPAS PAGAR DAN MENARA JAM HINGGA POST A (ZON1-ZON 9)	62.64 hektar (626,400m ²)
2	TAMAN HERBA & FRAGRAN GARDEN (ZON 2B)	0.6 hektar (6,000m ²)
3	TAMAN ORKID (ZON 8C)	2.5 hektar (25,000m ²)
4	TAMAN BUNGA RAYA (ZON 8B)	1.0 hektar (10,000m ²)
5	TAMAN RUSA (ZON 6B)	2.0 hektar (20,000m ²)
6	TAMAN ETNOBOTANI (ZON 9B)	2.5 hektar (25,000m ²)
	Keluasan Keseluruhan Kawasan	71.24 hektar (712,400m²)

Senarai Kawasan Lokasi adalah di **Lampiran E** dan Pelan Lokasi Kerja seperti di **Bahagian 12**.

Perkhidmatan ini terbahagi kepada tujuh (7) skop kerja iaitu penyelenggaraan landskap lembut, penyelenggaraan landskap kejur, penyelenggaraan rumput/ turf, pembersihan kawasan, pembersihan bangunan, pembersihan badan air dan pembersihan tandas serta surau.

Kontraktor perlu mengemukakan **Jadual Perancangan dan Pelaksanaan Kerja (Lampiran F)** mengikut jadual skop perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan seperti di dalam dokumen tender dan perlu dihantar kepada Pegawai Penguasa dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Mesyuarat Serah Tapak.

Kerja-kerja penyelenggaraan ini perlu dilakukan setiap hari termasuk **hari Sabtu, Ahad dan cuti umum umum (bermula jam 7.00 pagi sehingga 5.00 petang)** seluruh kawasan taman yang terlibat bagi memastikan keseluruhan kawasan taman yang diselenggara berada dalam keadaan **sentiasa BERSIH dan KEMAS**. Oleh itu,

kontraktor hendaklah memastikan harga yang dikemukakan termasuk kos harga untuk bayaran lebih masa yang diperlukan.

Kontraktor **DIWAJIBKAN** melawat tapak bagi mengenalpasti kawasan dan membaca **SKOP KERJA** serta **SPESIFIKASI KERJA** yang telah ditetapkan dalam dokumen tender ini dengan teliti bagi menentukan had kontrak dan bidang kerja bertujuan memudahkan kontraktor membuat anggaran harga tawaran dengan mengambil kira pembekalan buruh, tenaga mahir dan jentera/ logistik serta kerja-kerja pendahuluan yang berkaitan.

Setelah mendapat jumlah anggaran harga bagi kerja-kerja ini, kontraktor perlu mengisi pecahan harga di dalam **RINGKASAN TENDER** serta mengisi **HARGA TAWARAN** di dalam **BORANG TENDER**.

3.0 TEMPOH KONTRAK

3.1 Tempoh kontrak bagi kerja-kerja penyelenggaraan landskap ini ialah selama **Tiga (3) tahun** sahaja dan tidak boleh disewakan atau menyerahkan hak pengurusan kepada pihak ketiga.

3.2 Walaubagaimanapun, Datuk Bandar berhak untuk menamatkan kontrak ini lebih awal dari tempoh kontrak sekiranya prestasi kontraktor tidak mencapai standard yang memuaskan.

4.0 KERJA-KERJA PENDAHULUAN (PRELIMINARIES WORK)

Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja Pendahuluan sebelum kerja-kerja utama dilaksanakan seperti berikut :-

4.1 Bon Pelaksanaan (Performance Bond),

Petender hendaklah menyediakan Bond Pelaksanaan berjumlah mengikut perkiraan kadar yang telah ditetapkan dalam Syarat-Syarat Perjanjian **(Lampiran A)**

4.2 Insurans

Petender hendaklah atas nama bersama Datuk Bandar dan Kontraktor mengambil polisi insurans yang sah (*Insurans Liabiliti Awam*) untuk menanggung semua tuntutan ganti rugi, pampasan, denda atau apa-apa pembayaran yang kena dibayar oleh Datuk Bandar mengikut Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 atau apa-apa tuntutan kemalangan yang berhubung dengan Pampasan Pekerja dan tuntutan-tuntutan dari pihak ketiga berbangkit dari hal-hal bersangkutan dengan kerja-kerja tersebut. **(Lampiran B)**

Petender hendaklah menyerahkan polisi tersebut dan resit premium semasa kepada Datuk Bandar untuk simpanannya dan jika kontraktor gagal berbuat demikian, Datuk Bandar boleh menamatkan Perjanjian.

4.3 Cukai Setem

Cukai setem hendaklah ditanggung oleh Kontraktor mengikut Syarat-syarat Kontrak

4.4 Pakaian Seragam

Petender **WAJIB** membekalkan pakaian seragam mengikut spesifikasi yang diarahkan oleh jabatan pelaksana kepada pekerja dan hendaklah memastikan ada **TANDA PENGENALAN** (Nama Syarikat dan Kontraktor DBKL) dan **PEMANTUL CAHAYA** (reflector) seperti di **Lampiran G- Baju Kontraktor** untuk memudahkan dikenali oleh Datuk Bandar dan pegawai DBKL. **Kontraktor wajib memberikan sampel pakaian kepada Pegawai Penguasa untuk pengesahan.**

Pekerja **WAJIB** memakai pakaian seragam semasa bertugas, **ketidaktepatan etika pemakaian seragam akan dikenakan DENDA/ PENALTI**

4.5 Peralatan Keselamatan

Kontraktor wajib menggunakan peralatan keselamatan seperti papan tanda amaran contoh : **AWAS KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DBKL SEDANG DIJALANKAN**” mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh DBKL terutama ketika kerja-kerja penyelenggaraan yang dirasakan perlu atau penggunaan jentera berat seperti **Lampiran K** , kon keselamatan, alat perlindungan diri dan lain-lain seperti di **Lampiran J (Peralatan Keselamatan)** semasa melaksanakan kerja-kerja di tapak. Kesemua peralatan ini perlu berfungsi dengan sempurna dan disimpan semula di tempat yang sesuai dan selamat.

Langkah-Langkah Keselamatan

- a. Mempamerkan papan tanda pemberitahuan tentang kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan yang sedang dijalankan dan sebagainya.
- b. Meletakkan penghalang yang dibenarkan oleh jabatan di sekeliling kawasan kerja.
- c. Memastikan percikan air tidak terkena kepada orang awam atau harta benda yang berdekatan.

4.6 Keperluan Kelengkapan Peralatan Kerja

- a. Kontraktor hendaklah membekalkan peralatan kerja seperti lori *water tanker*, *chainsaw*, *hedges trimmer*, *blower*, motor roda tiga, lori dan sebagainya mengikut spesifikasi dan senarai keperluan peralatan di

tapak. Rujuk **Lampiran K – Senarai Keperluan Kelengkapan Peralatan Kerja**

- b. Kontraktor dilarang melekatkan logo DBKL pada jentera, peralatan, mesin dan sebagainya.
- c. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor mencuci, menjaga dan menyimpan semua peralatan/kenderaan/mesin yang telah digunakan di tempat selamat.
- d. Kontraktor hendaklah membekalkan kepada Penyelia Kontraktor item berikut:
 - 2 unit basikal elektrik untuk tujuan rondaan dan 1 unit buggy bucket untuk tujuan mengutip sampah di laluan@kawasan yang tidak boleh dilalui oleh lori

****** Pihak kontraktor wajib mengemukakan surat hak milik kenderaan sebagai bukti pemilikan harta tersebut. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan tawaran tuan/puan tidak akan dipertimbangkan.**

5.0 LAIN-LAIN PERKARA BERKAITAN KERJA

5.1 Pembayaran dan Pemotongan

- a. Pembayaran kepada kontraktor akan dibuat secara **BULANAN** dan tertakluk kepada prestasi kerja serta mengambilkira pemotongan yang boleh dikenakan sebagaimana di **Lampiran H – Laporan Penilaian Prestasi**
- b. Pembayaran juga tertakluk kepada peraturan sistem kewangan yang sedang berjalan dan diamalkan oleh **Bendahari Bandaraya**.

5.2 Laporan Bulanan Kontraktor

Kontraktor hendaklah menghantar **Satu (1)** salinan Laporan Bulanan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* seperti format di **Lampiran I – Laporan Bulanan Kontraktor**. Laporan Bulanan Kontraktor perlu diserahkan kepada Pegawai Penguasa selewat-lewatnya 3 haribulan setiap awal bulan bagi melancarkan mesyuarat jabatan. DENDA/PELNATI akan dikenakan sekiranya KEGAGALAN pihak petender menghantar mengikut waktu yang ditetapkan. Laporan ini perlu mengandungi:

a. **Lampiran F – Jadual Perancangan dan Pelaksanaan Kerja**

Menyediakan Jadual Program Pelaksanaan Kerja yang mengandungi kerja-kerja yang akan dijalankan secara HARIAN, MINGGUAN DAN BULANAN dan hendaklah berunding dengan Pegawai Penguasa untuk melaksanakannya

Jadual ini perlu mengandungi maklumat mengenai JENIS KERJA, TARIKH KERJA DIMULAKAN, TEMPOH DIJANGKA SIAP DAN BILANGAN PEKERJA UNTUK SETIAP KERJA YANG DIJALANKAN.

Senarai Nama Pekerja perlu diisi dalam jadual mengikut nama, no kad pengenalan @ no pasport dan jawatan seperti **Lampiran L** dan perlu disertakan bersama salinan punch kad untuk disertakan dalam Laporan Bulanan setiap bulan.

- b. Laporan Bulanan ini perlulah dibinding dengan menggunakan binding comb, plastik clear serta muka depan yang terdapat tajuk Laporan bergambar, Bulanan, Tajuk Tender dan disediakan nama syarikat dan alamat.
- c. **Gambar rollcall setiap hari** berserta tarikh dan lokasi dengan menggunakan aplikasi yang dimuat turun dalam telefon pintar mengikut sistem operasi pada platform iOS atau Android.
- d. **Gambar berwarna** keadaan sebelum, semasa dan selepas pada bulan yang dinilai dengan menggunakan aplikasi yang dimuat turun dalam telefon pintar mengikut sistem operasi pada platform iOS atau Android sepertimana yang dipersetujui oleh Pegawai Penguasa. Aplikasi tersebut **WAJIB** memaparkan maklumat yang mengandungi lokasi, masa, tarikh semasa kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan pada gambar yang diambil. Gambar yang dimasukkan di dalam laporan hendaklah jelas, beresolusi tinggi dan diambil dalam bentuk melintang (*landscape*). Gambar yang dicetak perlulah berkualiti tinggi.
- e. Gambar keadaan sebelum dan selepas daripada teguran dan rondaan oleh Pegawai Penguasa pada bulan yang ditegur.

5.3 Pengurusan dan Tenaga Mahir

Petender hendaklah melantik :-

a. **Penyelia**

- i. Penyelia mestilah **WARGANEGARA MALAYSIA** yang mempunyai sekurang-kurangnya **Sijil dalam Bidang Pertanian / Pengurusan Landskap atau setaraf atau 1 tahun pengalaman** dalam bidang berkaitan. serta mendapat latihan khusus penyelenggaraan landskap daripada mana-mana agensi yang diiktiraf.
- ii. **KONTRAKTOR HENDAKLAH MENGEMUKAKAN RESUME PENYELIA BESERTA SIJIL BERKAITAN DALAM TEMPOH SATU BULAN DARI TARIKH SERAH TAPAK. JIKA DIDAPATI PENYELIA TIDAK MEMENUHI KEPERLUAN DI PARA A(i), MAKA PEGAWAI PENGUSAHA BERHAK MEMINTA KONTRAKTOR UNTUK MENGGANTIKAN PENYELIA YANG LAIN.**

- iii. Penyelia **TIDAK DIBENARKAN** menyelia **LEBIH** dari satu kawasan kontrak dalam satu masa dan perlu sentiasa berada di tapak terutama jika diminta oleh Pegawai Penguasa pada bila-bila masa mengikut keperluan.
- iv. Sekiranya didapati Penyelia yang dilantik tidak kompeten, Pegawai Penguasa berhak meminta kontraktor melantik Penyelia baharu.
- v. Jika didapati kontraktor gagal melaksanakan mana-mana perkara (i) hingga (iv), maka kontraktor akan dikenakan pemotongan seperti di **Lampiran H-Laporan Penilaian Prestasi**.

b. Arboris

- a. Seorang **Arboris** yang mempunyai pentauliahan Arborist atau telah mendapat latihan khusus berkaitan bidang arborikultur daripada **Persatuan Arboris Malaysia (PARM) dan International Society of Arboriculture (ISA)**, sekiranya di minta untuk membuat inventori dan penyediaan laporan keadaan pokok-pokok di dalam taman samada perlu penebangan atau rawatan khusus untuk pokok-pokok yang kritikal.
- ii. **PIHAK KONTRAKTOR WAJIB MENGEMUKAKAN SALINAN SIJIL KELAYAKAN BAGI ARBORIS YANG DILANTIK KEPADA DBKL DALAM TEMPOH SATU BULAN DARI TARIKH SERAH TAPAK. PELANTIKAN ADALAH BERDASARKAN PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN OLEH PIHAK DBKL.**

Justifikasi Tugas Arboris yang dilantik :-

- i. Kontraktor perlu melaksanakan kerja-kerja inventori landskap lembut dan kejur di kawasan penyelenggaraan. Kerja-kerja ini perlu mendapat pengesahan daripada Perunding Landskap dan Arboris bertauliah.
- ii. Laporan ini hendaklah mengandungi senarai jadual yang mengandungi semua maklumat landskap lembut dan kejur. Laporan ini hendaklah diserahkan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* kepada Pegawai Penguasa.
- iii. Membuat inventori pokok-pokok di setiap kawasan/zon di dalam Taman Botani Perdana yangmana kontraktor yang dilantik ditugaskan membuat kerja-kerja penyelenggaraan pokok rendah.
- iv. Pokok-pokok yang dimasukkan di dalam inventori untuk kerja-kerja penyelenggaraan hendaklah berukuran sekurang-kurangnya 100mm diameter (4 inci diameter)
- v. Pokok-pokok yang telah dimasukkan di dalam inventori hendaklah dibuat Visual Tree Assesment (VTA)
- vi. Pokok-pokok yang dibuat inventori hendaklah dikenal pasti spesies beserta saiz mengikut ukuran diameter dalam unit sentimeter (cm) untuk tujuan pengiraan harga di dalam arahan kerja.

- a) Menyediakan laporan status keadaan pokok di Taman Botani Perdana.
BIL	PERKARA	KUANTITI	JENIS KERJA	KEKERAPAN
1	Pokok palma (berumpun dan berbatang tunggal 12 kaki keatas) termasuk buluh	30nos	Menyiram	2 kali sehari
			Merumpai/ merumput/ menggembur	1 kali seminggu
			Pemeriksaan kayu pancang	3 bulan sekali dan perlu memaklumkan/berbin cang kepada Pegawai Penguasa terlebih dahulu
			Menebang/membuang pokok mati dan pokok berpenyakit mengikut nasihat arborist	3 bulan sekali dan perlu memaklumkan/berbin cang kepada Pegawai Penguasa terlebih dahulu berserta Laporan dari Arborist
2	Pokok teduhan@utama 12 kaki ke atas)	50nos	Membuang dan pembersihan pokok penumpang	3 bulan sekali dan perlu memaklumkan/berbin cang kepada Pegawai Penguasa terlebih dahulu
			Menebang/membuang dahan mati/berpenyakit/pokok mati mengikut nasihat arborist	3 bulan sekali dan perlu memaklumkan/berbin cang kepada Pegawai Penguasa terlebih dahulu berserta Laporan dari Arborist
			Pemeriksaan kayu pancang	3 bulan sekali dan perlu memaklumkan/berbin cang kepada Pegawai Penguasa terlebih dahulu
			Membuang sulur air dan pembersihan pokok penumpang	6 bulan sekali dan perlu memaklumkan/berbin cang kepada Pegawai Penguasa terlebih dahulu

B. KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN RUMPUT / TURF

BIL	PERKARA	KUANTITI	JENIS KERJA	KEKERAPAN
1	Semua jenis rumput	3,674m ²	Memotong rumput	2 kali sebulan
			Menyapu, memungut dan membuang sisa rumput	2 kali sebulan
			Menyiram	2 kali sehari

D. PENYELENGGARAAN LANDSKAP KEJUR (samb.)**D1 PEMBERSIHAN KAWASAN TAMAN**

BIL	PERKARA	KUANTITI	JENIS KERJA	KEKERAPAN
1	Seluruh kawasan selenggara termasuklah: a. Kawasan berumput b. Kawasan landskap c. Pejalan Kaki d. Jalanraya/jalan berpremix/tempat letak kenderaan/tangga dll e. 1 meter lepas pagar f. Terowong g. Jambatan h. Pondok/wakaf/pegola i. Taman Kecil -Taman Etnobotani	2.5 hektar/ 25,000m ²	Menyapu dan membersihkan kawasan daripada sampah sarap termasuk daun kering, ranting, dahan, pelepah kering, tumbuhan liar, sisa kemalangan, batu-batuan ,lumpur selepas hujan dll	Setiap hari termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum.
2	Tong sampah	15 nos	Mengutip dan mengosongkan tong sampah dengan membuang sampah tersebut ke tempat yang dibenarkan. Mengutip sampah sekeliling/sekitar tong sampah dan bawah tong sampah	2 kali sehari setiap hari termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum serta tiada tong sampah yang penuh dan melimpah

E. PENCUCIAN LANDSKAP KEJUR**E1 PERABOT TAMAN**

1.	Granite Bench	30nos	Pembersihan dan menghilangkan sampah sarap, daun kering, kotoran lumut, pasir, tanah,rumpai,lumpur,tumpahan cecair dan lain-lain kotoran	1 bulan sekali
2.	Amphitheater	227m ²		
3.	Papan Tanda	4nos		
4.	Wakaf	3nos		
5.	Trek jogging / laluan pejalan kaki	1155m ²		
6.	Longkang	755m ²		
			Kerja-kerja waterjet lumut/lumpur/tumpahan cecair atau lain-lain kotoran. Melaporkan kerosakan dan kecacatan landskap/struktur kejur Mencabut,membersihkan dan membuang pokok liar dll.	

8.0 PROVISIONAL SUM

8.1 Kerja-Kerja Membekal Racun Serangga dan Perosak

Kontraktor perlu membekalkan racun serangga dan perosak serta melaksanakan kerja-kerja meracun berdasarkan arahan daripada Pegawai Penguasa secara bertulis. Kontraktor perlulah mengemukakan sampel racun dan mendapatkan pengesahan daripada Pegawai Penguasa

Kontraktor perlu melaporkan pembekalan racun berdasarkan arahan Pegawai Penguasa sebelum kerja-kerja dilaksanakan di tapak.

Sukat campuran racun perlu dilaksanakan di hadapan Pegawai Penguasa.

Kontraktor wajib mengemukakan laporan bergambar siap kerja yang mengandungi maklumat pembekalan dan pelaksanaan kerja di tapak bagi membuat tuntutan bayaran.

8.1.1 Senarai Racun Serangga dan Perosak:

BIL	JENIS RACUN	KANDUNGAN
RACUN SERANGGA		
1.	Organic Plant Acid	Organik Bentuk cecair
2.	Sumi Alpha 28	Bahan aktif: Esfenvalerate 2.8% w/w Bahan lengai: 97.2% w/w bentuk cecair
RACUN KULAT		
1.	Daconil 2787	Bahan aktif: 50.0% Bahan lengai: 50.0% Bentuk serbuk
ORGANIK RACUN RUMPAI		
1.	Avansta 15	Bahan aktif: glufosinate ammonium 13.5% Bahan lengai: 86.5% Bentuk cecair
2.	Roundup	Bahan aktif: glyphosate-isopropylammonium 41.0% w/w Bahan lengai: 59.0% w/w Bentuk cecair

8.2 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SAMPAH-SARAP SELEPAS ACARA / MAJLIS RASMI LUAR JANGKA ATAU DI LUAR SKOP HAKIKI

Kontraktor perlu menyediakan dan membekal tenaga kerja yang mencukupi, bahan, kelengkapan dan peralatan yang bersesuaian bagi kerja-kerja pembersihan sampah sarap yang ditinggalkan selepas sesuatu majlis berdasarkan kualiti, spesifikasi dan skop kerja:

- 8.2.1 Segala kos pembuangan sampah ditanggung oleh kontraktor
- 8.2.2 Segala bayaran akan didasarkan kepada Jadual Kadar Harga yang ditentukan
- 8.2.3 Pihak kontraktor hendaklah menyediakan laporan bergambar dan invois bagi kerja tersebut
- 8.2.4 Resit/ slip pembuangan sampah hendaklah dikemukakan setiap kali membuat tuntutan sebagai bukti

8.3 KERJA-KERJA PEMOTONGAN / PENEANGAN POKOK TUMBANG ATAU BERISIKO

Kontraktor perlu menyediakan dan membekal tenaga kerja yang mencukupi, bahan, kelengkapan dan peralatan yang bersesuaian bagi kerja-kerja pembersihan pokok tumbang dan peneangan pokok mati:

- 8.3.1 Kerja-kerja kecemasan dan luar jangka seperti pokok tumbang, patah akibat ribut, membongkar tunggul, peneangan pokok mati dan berisiko mengikut spesifikasi yang dinyatakan di dalam Jadual Kadar Harga.
- 8.3.2 Kerja menebang pokok bagi tujuan pembersihan kawasan, pembangunan konservasi dan penambahan spesies baru, penjarangan dan peneangan pokok sedia ada yang tidak diperlukan perlu dibuat.
- 8.3.3 Segala sampah / sisa potongan dari kerja-kerja ini hendaklah dibersihkan segera pada hari yang sama dan dibuang ke tempat pembuangan sampah.
- 8.3.4 Segala bayaran akan didasarkan kepada Jadual Kadar Harga yang telah ditentukan.
- 8.3.5 Pihak kontraktor hendaklah menyediakan laporan bergambar dan invois bagi kerja tersebut.
- 8.3.6 Resit/ slip pembuangan sampah hendaklah dikemukakan setiap kali membuat tuntutan sebagai bukti.

8.4. KERJA-KERJA BAGI PEMOTONGAN/PENEBANGAN POKOK

a. Kerja-Kerja Mencantas Biasa

1.1 Semua kerja-kerja mencantas di dalam kontrak ini perlu mendapat arahan daripada Pegawai Penguasa (PP) atau wakilnya atau melalui khidmat nasihat dan cadangan kontraktor dan mendapat kelulusan PP. **Kerja-kerja penebangan perlu mendapat pengesyoran daripada Arborist bertauliah.**

1.2 Bahan cantasan serta sampah sarap yang dihasilkan daripada kerja-kerja cantasan hendaklah dibuang segera ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan di luar taman.

1.3 Asas bayaran adalah diukur mengikut spesifikasi cantasan seperti arahan kerja yang dikeluarkan oleh PP atau wakilnya.

b. Kerja-Kerja Mencantas Pokok Secara Manual.

1.1 Semua kerja-kerja mencantas didalam kontrak ini perlu mendapat arahan daripada Pegawai Penguasa (PP) atau wakilnya atau melalui khidmat nasihat dan cadangan kontraktor dan mendapat kelulusan PP.

1.2 Bahan cantasan serta sampah sarap yang dihasilkan dari kerja-kerja cantasan hendaklah dibuang segera ke tempat pelupusan sampah yang telah dibenarkan di luar taman.

1.3 Asas bayaran adalah diukur mengikut spesifikasi cantasan seperti arahan kerja yang dikeluarkan oleh PP atau wakilnya.

c. Kerja-Kerja Menebang Pokok

1.1 Kerja-kerja menebang/memotong pokok serta menggali serta membuang akar dan tunggul kayu seperti arahan dari PP atau wakilnya. (rujuk item 3.4)

1.2 Segala hasil kerja hendaklah dibersihkan dan dibuang segera ke tempat pelupusan sampah yang telah ditentukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.3 Tunggul hendaklah dipotong sekurang-kurangnya 6 inci daripada paras permukaan tanah atau serapat dengan permukaan tanah dan memperbaiki kawasannya sesuai dengan kawasan sekelilingnya.

1.4 Bayaran akan didasarkan kepada ukurlilit sebatang pokok diukur 1 meter daripada paras permukaan tanah.

d. Kerja-Kerja Menebang Pokok Secara Manual.

1.1 Kerja-kerja menebang/ memotong pokok tanpa menggali serta membuang akar dan tunggul kayu seperti arahan dari PP atau wakilnya.

1.2 Segala hasil kerja hendaklah dibersihkan dan dibuang segera ke tempat pelupusan sampah yang telah ditentukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.3 Tunggul hendaklah dipotong sekurang-kurangnya 2 inci daripada paras permukaan tanah atau serapat dengan permukaan tanah dan memperbaiki kawasannya sesuai dengan kawasan sekelilingnya.

1.4 Bayaran akan didasarkan kepada ukur lilit sebatang pokok diukur 1 meter daripada paras permukaan tanah

e. Kerja-Kerja Pollard (Topping)

1.1 Kerja-kerja mencantas dahan secara “pollarding” di mana kesemua dahan perlu dicantas setelah mendapat arahan dari PP atau wakilnya atau melalui khidmat nasihat dan cadangan kontraktor dan mendapat kelulusan PP.

1.2 Segala dahan cantasan secara “pollarding” cantasan hendaklah dibersihkan dan dibuang segera ke tempat pelupusan sampah yang telah ditentukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.3 Ketinggian diukur dari pangkal pokok dipermukaan tanah.

f. Crown Reduction

1.1 Semua kerja-kerja mencantas didalam kontrak ini perlu mendapat arahan dari Pegawai Penguasa (PP) atau wakilnya atau melalui khidmat nasihat dan cadangan kontraktor dan mendapat kelulusan PP.

1.2 Bahan cantasan serta sampah sarap yang dihasilkan dari kerja-kerja cantasan hendaklah dibuang segera ke tempat pelupusan sampah yang telah ditentukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

g. Kerja-kerja Membongkar Tunggul Kayu

1.1 Kerja-kerja membongkar tunggul serta mengorek keluar tunggul serta akar seperti arahan dari PP atau wakilnya.

1.2 Segala hasil kerja hendaklah dibersihkan dan dibuang segera ke tempat pelupusan sampah yang telah ditentukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.3 Kerja-kerja membongkar tunggul perlu mengikut keperluan, kesesuaian kawasan serta wajib mendapat kelulusan dari PP @ wakilnya.

1.4 Bayaran berdasarkan kepada ukur lilit sebatang pokok diukur 1 meter daripada paras permukaan tanah.

9.0 Kerja-Kerja Inventori Kawasan Kontrak dan Penyediaan Laporan

Kontraktor perlu melaksanakan kerja-kerja inventori landskap lembut dan kejur di kawasan penyelenggaraan. Kerja-kerja ini perlu mendapat pengesahan daripada perunding landskap dan arboris bertauliah.

Laporan ini hendaklah mengandungi senarai jadual yang mengandungi semua maklumat landskap lembut dan kejur seperti jenis, kuantiti dan ukuran unit setiap perkara tersebut.

Laporan ini hendaklah diserahkan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* kepada Pegawai Penguasa.

10.0 LAIN-LAIN TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

Kontraktor perlu juga mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memenuhi keperluan berikut:-

- 9.1 Kontraktor hendaklah melantik seorang wakil yang sah dan mengemukakan surat pelantikan kepada Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi. Wakil yang dilantik hendaklah bertanggungjawab dalam segala hal termasuk mesyuarat semasa ketiadaan Pengarah Syarikat dan apa-apa arahan yang diberi kepada wakil itu oleh Jabatan Pelaksana hendaklah dianggap sebagai telah diberi kepada kontraktor.
- 9.2 Kontraktor hendaklah bersedia memberikan kerjasama dalam membantu kerja-kerja amal seperti gotong royong yang dianjurkan oleh DBKL dengan menyediakan perkakas kerja-kerja yang secukupnya, pengangkutan dan pekerja-pekerja.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN
LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI PERDANA KUALA LUMPUR
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAHAGIAN 7. SPESIFIKASI

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBKIL SAHAJA

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI PERDANA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

SPEKIFIKASI

1.0 TAFSIRAN

Dalam melaksanakan perkhidmatan kerja-kerja penyelenggaraan landskap lembut, aspek-aspek kerja yang berkaitan adalah khusus membawa pengertian seperti berikut :-

LANDSKAP LEMBUT

BERMAKNA DAN TERMASUK tanaman landskap seperti rumput, pokok penutup bumi, pokok renek, pokok memanjat, buluh, fern dan pokok teduhan.

PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT

BERMAKNA DAN TERMASUK kerja-kerja penyiraman, menggembur tanah / merumput / merumpai, membaja, kawalan serangga perosak dan penyakit, *trim*, penjarangan, pemeriksaan kayu pancang, pembuangan sulur air dan pembersihan tumbuhan menumpang.

RUMPUT

BERMAKNA DAN TERMASUK semua jenis rumput termasuk rumput hiasan di sekitar kawasan selenggaraan.

PENYELENGGARAAN RUMPUT

BERMAKNA DAN TERMASUK kerja-kerja menyiram, merumpai dan memotong semua jenis rumput, menyapu, memungut dan membuang sisa rumput ke tapak pelupusan sampah.

LANDSKAP KEJUR

BERMAKNA DAN TERMASUK semua jenis infrastruktur dan fasiliti termasuk *bollard*, tembok, wakaf/pegola, bangku taman, longkang, salur air (guter) siar kaki, *pocket park*, papan tanda, tong sampah, pasu / *planter box*, arca dan kolam air dll.

PENCUCIAN LANDSKAP KEJUR

BERMAKNA DAN TERMASUK menyembur, membuang, menghilangkan kotoran dan lain-lain benda buangan seperti lumut / rumput atau lain-lain yang berkaitan dengan menggunakan peralatan pembersihan mudah alih seperti 'High Pressure Water Jet' atau apa-apa alat yang bersesuaian.

PEMBERSIHAN

BERMAKNA DAN TERMASUK membebaskan / menghilangkan kotoran kesan daripada segala jenis sampah seperti tanah lumpur, batu, sampah-sarap, sisa landskap, sisa kemalangan, dan apa-apa jua yang tidak menyenangkan mata memandang di merata-rata kawasan landskap pada setiap masa.

2.0 KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT

2.1 PENYIRAMAN

i. Kualiti Kerja

- a) Keadaan tanah kelihatan basah dan lembab
- b) Tanaman landskap kelihatan segar dan tidak layu akibat kekurangan air

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Penyiraman haruslah dilakukan pada seluruh tanaman di dalam kawasan selenggaraan termasuklah kawasan berumput, tanaman penutup bumi, pokok teduhan, pokok memanjat@menjalar, fern, pokok renek, palma dan semua pokok yang terdapat di dalam Taman Botani Perdana termasuk pokok yang baru di tanam oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- b) Penyiraman perlu dilakukan pada pangkal tanaman sehingga tanah kelihatan basah.
- c) Elakkan pancutan air yang terlalu kuat atau deras untuk mengelakkan kerosakan tanaman atau tanah.
- d) Kualiti air untuk siraman mestilah bebas dari bahan kimia, kekotoran dan tidak mengandungi garam terlarut yang tinggi.
- e) Penyiraman secara berlebihan perlu dielakkan untuk mengelakkan akar menjadi lemas atau busuk disebabkan kandungan air yang tinggi.
- f) Untuk pokok renek berdaun lebar penyiraman perlu dilakukan di bahagian pangkal tanaman untuk memastikan tanaman mendapat bekalan air yang mencukupi.
- g) Kaedah penyiraman adalah menggunakan 'water tanker'/ 'quick coupling'/ paip air/ pam air ,dan menggunakan *shower head @ springkler* yang bersesuaian.
- h) Kadar penyiraman adalah 2 kali sehari sama ada waktu pagi (sebelum terik matahari) atau pada waktu petang (sebelum matahari terbenam).

iii. Peralatan

- a) Water tanker (1 unit)
- b) Hos siraman yang berkualiti tinggi bagi penggunaan '*quick culpling*' dan *standpipe*.
- c) Pam air
- d) Kepala hos boleh laras / *adjustable shower head/mobile springkler*
- e) Alat keselamatan (bendera keselamatan, lampu keselamatan)

2.2 MERUMPUT / MERUMPAI DAN MENGSEMBUR

i. Kualiti Kerja

- a) Keadaan tanah sekeliling tanaman landskap sentiasa digembur dan tiada rumput yang tumbuh disekeliling pangkal / batas tanaman.
- b) Tanaman perlu digembur 15 cm dari pangkal pokok
- c) Tanah yang digembur tidak membusut di pangkal tanaman

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Kerja-kerja menggembur boleh dilakukan secara manual dengan menggembur tanah disekeliling pangkal pokok (15 cm dari batang pokok) dengan kedalaman 15 cm dari paras tanah.
- b) Kerja-kerja merumput / merumpai dan menggembur perlu dijalankan setiap hari mengikut pusingan batas-batas tanaman, sekeliling/pangkal pokok (*circle weeding*), pokok berpasu dan barisan pokok pagaran. Rumput perlu dicabut sehingga ke akar.
- c) Rumput /rumput yang telah dicabut perlu dibuang dan kawasan kerja perlu dibersihkan dengan segera

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Cangkul
- b) Cangkul kecil
- c) Cakar penggembur
- d) Penyodok mini
- e) Lain-lain peralatan yang bersesuaian
- f)

2.3 PENJARANGAN

i. Kualiti Kerja

- a) Tanaman landskap tidak kelihatan terlalu padat
- b) Tanaman landskap dalam keadaan sihat dan membesar dengan sempurna

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Membuang tanaman landskap secara terpilih bagi mengelakkan pertumbuhan tanaman terlalu rapat
- b) Memastikan penjarangan dilakukan secara terkawal bagi meminimalkan kerosakan kepada kawasan sekitar

- c) Pembuangan sisa tanaman landskap yang dibuang haruslah dibersihkan dengan segera
- d) Proses penjarangan:
 - i. Langkah 1: mengenalpasti tanaman yang hendak dibuang
 - ii. Langkah 2: membuang tanaman (keseluruhan) oleh pekerja terlatih
 - iii. Langkah 3: membersihkan kawasan dan memperbaiki kerosakan

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Scateur
- b) Looper
- c) Gergaji tangan
- d) Gunting tanaman
- e) Cangkul
- f) Cangkul kecil
- g) Chop
- h) Lain-lain peralatan yang bersesuaian

2.4 PEMERIKSAAN KAYU PANCANG

i. Kualiti Kerja

- a) Pokok sentiasa berada dalam keadaan tegak.
- b) Ikatan tidak ketat sehingga mencengkam kulit batang pokok.

ii. Kaedah Perlaksanaan

- a) Periksa setiap masa keadaan pokok agar tidak tumbang ataupun condong.
- b) Semua kaedah pemancangan dan alat pengikat pada pokok hendaklah dibuang apabila pokok telah berada dalam pertumbuhan yang tegap.
- c) Memaklumkan kepada Pegawai Penguasa sekiranya terdapat kayu pancang yang rosak

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) -

2.5 MEMBUANG SULUR AIR DAN PEMBERSIHAN POKOK PENUMPANG

i. Kualiti Kerja

- a) Pokok sentiasa berada dalam keadaan bersih dan kemas
- b) Tidak kelihatan sulur air pada pangkal dan tunas air pada batang pokok

ii. Kaedah Perlaksanaan

- a) Membuang sulur air dan tunas air yang tumbuh pada pokok.
- b) Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut hendaklah dibuat mengikut keperluan.
- c) Pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap pembuangan tumbuhan/pokok menumpang atau sakat pada setiap pokok tersebut sehingga kelihatan bersih.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Looper
- b) Scateur
- c) Gergaji tangan
- d) Tangga
- e) Tali
- f) Gunting tanaman
- g) Lain-lain peralatan yang sesuai

2.6 MEMBUANG PELEPAH KERING / ROSAK

i. Kualiti Kerja

- a) Pokok palma sentiasa berada dalam keadaan bersih sihat (tiada tumbuhan penumpang).
- b) Tiada pelepah kering tergantung pada pokok palma

ii. Kaedah Perlaksanaan

- a) Membuang pelepah-pelepah kering / rosak yang berjuntai termasuk tiga pelepah yang terbawah.
- b) Pembuangan pelepah mestilah menggunakan pisau yang tajam supaya kelihatan kemas dan rapi (pisau khas untuk pemotongan pelepah).
- c) Membuang anak-anak pokok yang tumbuh di pangkal-pangkal pokok.
- d) Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut hendaklah dibuat mengikut keperluan.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Looper
- b) Gergaji tangan
- c) Tangga
- d) Lain-lain peralatan yang sesuai

2.7 'TRIM'

i. Kualiti Kerja

- a) Pokok berada dalam keadaan kemas dan seragam.

ii. Kaedah Perlaksanaan

- a) 'Trim':
Kerja-kerja *trim* hendaklah dilakukan sekiranya diperlukan. Bentuk pokok yang di *trim* hendaklah dikekalkan kepada bentuk yang sedia atau di persetujui oleh Pegawai Penguasa.
- b) Pembersihan:
Sisa-sisa hendaklah disapu dan dimasukkan ke dalam plastik sampah dan dibuang dengan segera. Ini termasuklah sisa-sisa pangkasan yang melekat di dahan dan atau rumpun-rumpunnya yang perlu dibersihkan.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Gergaji tangan
- b) Hedge trimmer
- c) Chainsaw
- d) Tangga
- e) Gunting tanaman
- f) Lain-lain peralatan yang sesuai

2.8 PEMBAJAAN

i. Kualiti Kerja

- a) Tanaman landskap berada dalam keadaan sihat dan tidak menunjukkan apa-apa perubahan kekurangan nutrien.
- b) Baja dapat diserap terus ke dalam tanah dan tidak mengalir keluar dari batas tanaman
- c) Pokok dapat bertindakbalas mengikut objektif pembajaan

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a. Penggunaan dua jenis baja iaitu:

Baja kimia

- i. Jenis butiran 'slow release' yang diluluskan oleh SIRIM bagi memastikan kualiti baja yang baik.
- ii. Jenis semburan hanya boleh digunakan pada tanaman yang disyorkan sahaja.

- iii. Semua baja yang digunakan mestilah mematuhi dari semua aspek seperti kadar campuran yang diperlukan, berkualiti tinggi dan digunakan menurut peraturan penggunaan oleh pihak pengeluar/ pembekal.
- iv. Penggunaan baja kimia perlu dibawah pengawasan penyelia yang terlatih dan pihak kontraktor perlu bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan ataupun masalah yang timbul akibat penggunaan baja/ bahan kimia dengan menggantikan kerosakan tersebut atas tanggungan sendiri.
- v. Semua baja/ bahan kimia yang digunakan mestilah tidak toksid kepada manusia, burung ataupun haiwan lain di bawah penggunaan biasa dan hanya bahan kimia yang disenaraikan di *Pesticide Board, Department of Agriculture* boleh digunakan.

Baja organik

- i. Mestilah dari keluaran berasaskan bahan organik sama ada berbentuk cairan, pelet atau butiran.
- ii. Baja organik hendaklah diperoleh dari pengeluar yang boleh dipercayai dan data teknikal yang menunjukkan sumber penghasilan dan pengeluaran mestilah dikemukakan sebelum digunakan.
- iii. Sebarang masalah seperti penyakit dan lain-lain yang dihasilkan akibat dari penggunaan bahan tersebut perlulah ditangani segera.
- iv. Semua contoh baja perlu dikemukakan sebelum ianya digunakan di tapak.

b) Pengapuran

- i. Pengapuran perlu dilakukan dari masa ke semasa berdasarkan ujian pH tanah pada sesuatu tanah (kos ujian pH di bawah tanggungjawab kontraktor dan dilakukan mengikut keperluan).

c) Kaedah Pembajaan

- a) Memastikan teknik pembajaan yang bersesuaian (taburan, jalur, top dressing, side dressing, poket, semburan daun) seperti :-

Pokok teduhan : Pembajaan adalah secara poket dengan minimum 5 poket bagi setiap pokok

Pokok palma : Pembajaan adalah secara taburan (*broad-casting*)

Pokok renek : Pembajaan adalah secara alur (min 1m) atau tabur atau semburan

Penutup bumi : Pembajaan adalah secara taburan (*broad-casting*) atau semburan daun (*foliar spray*)

Kawasan berumput : Pembajaan adalah secara taburan (*broad-casting*) atau semburan daun (*foliar spray*)

- d) Tanah hendaklah digembur bersama baja yang telah ditabur
- e) Elakkan baja daripada terkena pada pangkal pokok
- f) Pihak kontraktor perlu menyediakan jadual program pembajaan sendiri. Jadual ini mestilah terperinci mengikut jenis tanaman.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Baja kimia jenis butiran 'slow release'
- b) Baja organik berbentuk cairan, pelet atau butiran
- c) Kapur (liquid lime)
- d) Cangkul
- e) Cangkul kecil
- f) Cakar penggembur
- g) Penyodok mini
- h) Lain-lain peralatan yang bersesuaian

2.9 SUNGKUPAN (MULCHING)

Menyediakan dan membekal tenaga kerja yang mencukupi, bahan, peralatan dan kelengkapan yang bersesuaian bagi kerja sungkupan. Bahan sungkupan adalah 'wood chip' atau bahan yang setara yang dipersetujui oleh DBKL. Kerja dilakukan setiap satu (1) tahun sekali.

i. Kualiti Kerja

- a) Keadaan keseluruhan kawasan selepas mulching perlu bersih dan kemas

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a. Bahan mulching yang digunakan perlu telah melalui beberapa proses rawatan dan telah betul sesuai digunakan
- b. Mulching yang di letak ketebalan tidak boleh melebihi 2 inci dan 30 cm dari pangkal pokok tidak perlu di letak mulching

iii. Peralatan dan Kelengkapan Pembersihan

- i) Penyapu lidi
- iii) Lain-lain keperluan/ peralatan

3.0 PENYELENGGARAAN POKOK UTAMA/PALMA/TOPIAR/KELAPA SAWIT DLL

3.1 PENYELENGGARAAN POKOK (KETINGGIAN KURANG 12 KAKI)

- a. Membuang sulur air atau tunas air (*Water Shoot*) yang tumbuh di pangkal dan batang pokok. Meningkatkan batang utama (*Clear Trunk*) kepada sekurang-kurangnya 6 kaki tinggi.

- b. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam sebulan.
- c. Mana-mana pokok yang condong atau tidak tegak hendaklah dipancang dengan kayu yang bersaiz 2" x 2" setinggi 10 kaki dan diikat dengan tali bersalut. Kontraktor perlu menyediakan besi penyokong pokok bagi kes-kes tertentu pemindahan pokok utama dalam taman (teknik *guying/bracing/staking*).
- d. Pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap pembuangan tumbuhan/pokok menumpang atau sakat pada setiap pokok tersebut sehingga kelihatan bersih.

3.2 PENYELENGGARAAN POKOK (KETINGGIAN LEBIH 12 KAKI)

- a) Membuang sulur air atau tunas air (Water Shoot) yang tumbuh di pangkal dan batang pokok. Meningkatkan batang utama (Clear Trunk) kepada sekurang-kurangnya 6 kaki tinggi.
- b) Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam sebulan.
- c) Selective Pruning –Dahan-dahan yang akan di cantas/dibuang ditentukan oleh S.O.
- d) Mana-mana pokok yang condong atau tidak tegak hendaklah dipancang dengan teknik yang sesuai (teknik *guying/bracing/staking*) dan diikat dengan tali bersalut. Kontraktor perlu menyediakan besi penyokong pokok bagi kes-kes tertentu pemindahan pokok utama dalam taman.
- e) Pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap pembuangan tumbuhan/pokok menumpang atau sakat pada setiap pokok tersebut sehingga kelihatan bersih.

3.3 PENYELENGGARAAN PALMA (KETINGGIAN KURANG 12 KAKI)

- a) Membuang pelepah yang berjuntai melebihi 45 darjah ke bawah kecuali spesis khas seperti *Sabal spp.*, *Marojejya spp.*, *Arenga spp.* dan lain-lain jenis palma rimbun.
- b) Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam sebulan.
- c) Mana-mana pokok yang condong atau tidak tegak hendaklah dipancang dengan kayu yang bersaiz 2" x 2" setinggi 10 kaki dan diikat dengan tali bersalut (*guying* atau *staking*). Kontraktor perlu menyediakan besi penyokong bagi kes-kes tertentu pemindahan pokok palma dalam taman.
- d) Pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap pembuangan tumbuhan/pokok menumpang atau sakat pada setiap pokok tersebut sehingga kelihatan bersih.

3.4 PENYELENGGARAAN PALMA (KETINGGIAN LEBIH 12 KAKI)

- a) Membuang pelepah yang berjuntai melebihi 45 darjah ke bawah kecuali spesis khas seperti *Sabal spp.*, *Marojejya spp.*, *Arenga spp.* dan lain-lain jenis palma rimbun.
- b) Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam sebulan.
- c) Pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap pembuangan tumbuhan/pokok menumpang atau sakat pada setiap pokok tersebut sehingga kelihatan bersih.

3.5 PENYELENGGARAAN POHON-POHON BULUH DAN BERTAM

- a. Membuang sulur air (*Water Shoot*) yang tumbuh dipangkal dan batang atau rumpun pokok. Ranting-ranting dan daun-daun buluh yang kering serta berjuntai mestilah dibuang dan dibersihkan. Pastikan kawasan rumpun buluh sentiasa kelihatan kemas dan bersih serta rapi.
- b. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut hendaklah dibuat setiap masa yang diperlukan.

3.6 PENYELENGGARAAN POKOK-POKOK KELAPA SAWIT/KELAPA

- a. Membuang pelepah-pelepah kering kelapa sawit yang berjuntai termasuk tiga pelepah yang terbawah.
- b. Pembuangan pelepah mestilah menggunakan pisau yang tajam supaya kelihatan kemas dan rapi (pisau khas untuk pemotongan pelepah).
- c. Membuang anak-anak pokok yang tumbuh di pangkal-pangkal pokok kelapa sawit.
- d. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut hendaklah dibuat setiap minggu.
- e. Pelepah yang telah dipotong hendaklah terus dibuang ke tempat Pusat Pelupusan Sampah.
- f. Pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap pembuangan tumbuhan / pokok menumpang atau sakat pada setiap pokok tersebut sehingga kelihatan bersih.

3.7 PENYELENGGARAAN POKOK-POKOK TOPIARI / POKOK JUNIFER, POKOK KESINAI DAN LAIN-LAIN POKOK

- a. Pihak kontraktor dikehendaki mengadam pokok-pokok topiari, junifer dan lain-lain pokok yang sedia ada dan bakal ditanam sepertimana bentuk yang

sedia ada atau pun apa-apa bentuk yang diarahkan oleh pihak Pengurusan Taman.

- b. Penyelenggaraan semasa juga perlu dijalankan setiap waktu supaya kelihatan kemas dan bersih.

4.0 KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN RUMPUT/ TURF

4.1 PEMOTONGAN RUMPUT

i. Kualiti Kerja

- a) Rumput sentiasa berada dalam keadaan pendek dan kemas
- b) Tidak berlaku kecederaan pada mana-mana tanaman landskap akibat daripada kerja-kerja pemotongan rumput

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Rumput hendaklah dipotong dengan pendek, cermat dan kemas.
- b) Rumput yang berhampiran dengan pagar, pavement, jalanraya, longkang-longkang, saluran *scupper* dan bangunan hendaklah dicabut secara manual.
- c) Pemotongan rumput disekeliling pokok/palma/buluh hendaklah dilakukan secara manual menggunakan tangan agar tidak merosakkan pangkal pokok
- d) Semasa kerja-kerja pemotongan rumput dijalankan, pihak kontraktor hendaklah memastikan pokok-pokok yang telah ditanam tidak dilukakan atau dicatitkan oleh mesin pemotong rumput. Jika perkara ini berlaku, pihak kontraktor dikehendaki bertanggungjawab dan dikenakan penalti.
- e) Sebelum kerja-kerja pemotongan dijalankan kontraktor hendaklah memastikan pekerja-pekerja memunggut batu-bata dan objek-objek keras di sekitar kawasan kerja dijalankan.
- f) Aktiviti pemotongan perlu diselaraskan dengan program yang terdapat di tapak tersebut bagi mengelakkan gangguan pada sebarang acara yang berlangsung.
- g) Potongan antara pusingan pada waktu-waktu tertentu terutama pada musim hujan (apabila terdapat pertumbuhan vegetatif yang menggalakkan) adalah perlu bagi mengekalkan ketinggian rumput.
- h) Dalam kes-kes tertentu seperti lawatan-lawatan dan majlis-majlis rasmi, DATUK BANDAR boleh mengarahkan kontraktor menjalankan pemotongan rumput di luar pusingan yang telah ditetapkan.

- i) Penggunaan racun untuk menghapuskan rumput, lalang adalah DILARANG KERAS kerana ia melibatkan keselamatan orang awam terutama kepada kanak-kanak.
- j) Kontraktor perlu menyediakan jadual pemotongan rumput dan disemak oleh Pegawai Penguasa.
- k) Pihak kontraktor adalah dilarang menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput pada hari Cuti Umum dan Cuti Am termasuk hari Ahad.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Bush cutter
- b) Mesin blower
- c) Bekalan minyak yang mencukupi
- d) Tali pemotong rumput
- e) Lain-lain keperluan/ peralatan

4.2 MENYAPU, MEMUNGUT DAN MEMBUANG SISA RUMPUT

i. Kualiti Kerja

- a) Tiada sisa potongan rumput dikawasan yang telah dipotong

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pihak kontraktor hendaklah menyapu, memungut, mengisi dalam beg plastik berwarna hijau dan membuang rumput-rumput yang telah dipotong serta merta di tapak pelupusan sampah.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Blower
- b) Pencakar
- b) Pengaut sampah
- c) Beg plastik
- d) Lain-lain keperluan/ peralatan

4.3 PENYIRAMAN

i. Kualiti Kerja

- a) Keadaan tanah sentiasa basah dan lembab
- b) Rumput tumbuh dalam keadaan segar dan tidak kering

ii. **Kaedah Pelaksanaan**

- a) Penyiraman haruslah dilakukan pada seluruh kawasan berumput di sekitar kawasan selenggaraan.
- b) Dilarang menyiram ketika matahari panas terik.
- c) Penyiraman perlu sehingga air dapat meresap ke dalam tanah.
- d) Elakkan pancutan air yang terlalu kuat atau deras untuk mengelakkan kerosakan pada tanah.
- e) Kualiti air untuk siraman mestilah bebas dari bahan kimia, kekotoran dan tidak mengandungi garam terlarut yang tinggi.
- f) Penyiraman secara berlebihan perlu dielakkan untuk mengelakkan akar menjadi lemas atau busuk disebabkan kandungan air tampungan yang tinggi.
- g) Kadar penyiraman adalah 2 kali sehari iaitu waktu pagi (sebelum terik matahari) dan waktu petang (sebelum matahari terbenam). Kadar penyiraman boleh di-kurangkan pada musim hujan.
- h) Penyiraman perlu dielakkan pada waktu berikut:
 - i. Waktu tengah hari – untuk mengelakkan lecur pada rumput.
 - ii. Lewat petang – untuk mengelakkan jangkitan virus dan kulat yang disebabkan oleh kelembapan tanah yang tinggi.

iii. **Peralatan**

- a) Pihak kontraktor perlu menyediakan kemudahan untuk kerja-kerja penyiraman seperti 'water tanker' atau pump air atau apa-apa alternatif yang lain.
- b) Penggunaan 'quick culpling' yang disediakan di beberapa kawasan adalah digalakkan.
- c) Getah penyiram dan pam air
- d) Menggunakan kepala hos boleh laras

4.4 **KAWALAN RUMPAI**

i. **Kualiti Kerja**

- a) Tiada rumput yang tumbuh di sekitar kawasan berumput.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pihak kontraktor bertanggungjawab menghalang dan memastikan kawasan rumput bebas daripada rumput.
- b) Kaedah adalah secara manual iaitu mencabut rumput sehingga ke akar.
- c) Meracun rumput adalah dilarang sama sekali.

iii. Peralatan

- a) Tajak
- b) *Hand scoop*
- c) Cangkul kecil
- d) Kaedah manual atau apa-apa peralatan yang bersesuaian.

4.5 BAJA

i. Kualiti Kerja

- a) Tiada rumput yang tumbuh di sekitar kawasan berumput.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pihak kontraktor bertanggungjawab menghalang dan memastikan kawasan rumput bebas daripada rumput.
- b) Kaedah adalah secara manual iaitu mencabut rumput sehingga ke akar.
- c) Meracun rumput adalah dilarang sama sekali.

iii. Peralatan

- a) Tajak
- b) *Hand scoop*
- c) Cangkul kecil
- d) Kaedah manual atau apa-apa peralatan yang bersesuaian.

4.6 TOP DRESSING

i. Kualiti Kerja

- a) Tiada rumput yang tumbuh di sekitar kawasan berumput.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pihak kontraktor bertanggungjawab menghalang dan memastikan kawasan rumput bebas daripada rumput.

- b) Kaedah adalah secara manual iaitu mencabut rumput sehingga ke akar.
- c) Meracun rumput adalah dilarang sama sekali.

iii. Peralatan

- a) Tajak
- b) *Hand scoop*
- c) Cangkul kecil
- d) Kaedah manual atau apa-apa peralatan yang bersesuaian.

4.7 PENGUDARAAN

i. Kualiti Kerja

- a) Tiada rumput yang tumbuh di sekitar kawasan berumput.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pihak kontraktor bertanggungjawab menghalang dan memastikan kawasan rumput bebas daripada rumput.
- b) Kaedah adalah secara manual iaitu mencabut rumput sehingga ke akar.
- c) Meracun rumput adalah dilarang sama sekali.

iii. Peralatan

- a) Tajak
- b) *Hand scoop*
- c) Cangkul kecil
- d) Kaedah manual atau apa-apa peralatan yang bersesuaian.

5.0 CANTASAN

Kontraktor hendaklah menyediakan hanya penyelia dan para pekerja yang terlatih atau mereka yang berpengalaman dalam pemangkasan pokok. Dia hendaklah menggunakan hanya kelengkapan bermotor untuk pemangkasan pokok dan boleh menggunakan kelengkapan yang tidak bermotor atau dilaksanakan hanya dengan kelulusan PP.

Kontraktor hendaklah memastikan bahawa para pekerjaanya dengan sepenuhnya dan jelas mematuhi arahan PP berkaitan dengan kerja pemangkasan yang diperlukan, khususnya, ketinggian pokok, bentuk dan saiz akhir pokok. Ketinggian, panjang jumlah dahan pokok yang perlu dipangkas dan ketinggian akhir pokok yang hendak dipangkas serta keseimbangan pokok.

JENIS PEMANGKASAN

1. Pemangkasan Membentuk (Formative Pruning)

- a. Dijalankan diperingkat awal pertumbuhan pokok (nursery) untuk tujuan membentuk kerangka dan membuang struktur-struktur merbahaya dan lemah.
- b. Pemangkasan membentuk yang baik dan sempurna akan mengurangkan masalah pokok di peringkat matang.
 - i. Ianya perlu kerana:
 - a. Saiz luka yang kecil dan cepat sembuh (kalus).
 - b. Ringkas dan murah.
 - c. Memberikan bentuk pokok yang menarik dan selamat.
 - ii. Peringkat Pemangkasan Membentuk dibahagikan kepada 4 bahagian, bergantung pada peringkat umur pokok. Gunakan pemangkasan membersih (*cleaning out*) dengan menggunakan teknik potongan penjarangan (*thinning cut*).

1.1 Peringkat pokok baru ditanam

Pangkas dahan-dahan mati, berpenyakit, rosak/cedera atau dahan yang lemah. Jangan lakukan '*crown reduction*' atau tipping kerana boleh menyebabkan pokok bertambah 'stress'. Ia lebih mendatangkan keburukan daripada kebaikan dan perlu dielakkan.

1.2 Peringkat tiga tahun pertama

Teruskan dengan membuang sulur air, dahan mati, dahan berpenyakit, dahan bersilang, rosak/cedera atau dahan yang lemah.

Elakkan membuang dahan sementara (*temporary branches*) yang berada di bahagian bawah pokok. Ia dapat mengurangkan stress disebabkan cahaya matahari dan vandalisme.

1.3 Peringkat empat ke enam tahun

Teruskan dengan memangkas dahan-dahan mati, berpenyakit, rosak/cedera atau dahan yang lemah. Secara berperingkat, pangkas dahan sementara yang bersaiz besar, tidak melebihi $\frac{1}{2}$ saiz batang utama.

1.4 Peringkat enam tahun ke atas

Pilih dahan kekal dengan membuang dahan-dahan sementara yang tidak perlu (*crown lifting*). Ketinggian dahan kekal bergantung kepada keperluan.

Lakukan pemeriksaan dari masa ke semasa. Jika perlu, gunakan kaedah pemangkasan membersih (*crown cleaning/cleaning out*) sahaja.

2. Pemangkasan Menyelenggara (Maintenance Prunning)

- Pemangkasan yang dilakukan pada pokok-pokok matang
- Dihadkan kepada membuang struktur-struktur merbahaya
- Jumlah pangkasan - minima

Apakah struktur-struktur yang perlu di pangkas/dibuang?

- Dihadkan kepada struktur merbahaya, lemah dan berpenyakit sahaja. Antara struktur yang perlu diberi perhatian adalah seperti:
 - Pokok/Dahan mati atau hampir mati.
 - Dahan "Included bark" (struktur lemah).
 - Dahan sisi yang berat – saiz melebihi $\frac{1}{2}$ saiz batang utama.
 - Dahan "Co-dominant" iaitu dahan yang mempunyai saiz yang sama tumbuh dari batang utama.
 - Dahan bergesel/bersilang.
 - 'V-crotch' (bukaan dahan kurang dari 25 darjah).
 - Kehadiran cendawan pada pangkal batang, batang atau dahan.
 - Dahan reput dan berlubang (melebihi 30%).
 - 'Multiple attachment'.
 - "Abrupt bend"
 - Sulur Air (epicormic shoot).

Kategori Pemangkasan

- i) **'Cleaning Out' (Membersih Kanopi)** – Membuang struktur-struktur mati, berpenyakit dan lemah. Ia juga melibatkan pembuangan bahan (biotic atau abiotik) yang tidak dinigini dan kehadirannya boleh membahayakan pokok (eg. Pokok menumpang, paku, pokok duit-duit). Tujuannya ialah untuk membersihkan kanopi dari struktur berbahaya, lemah, berpenyakit dan tidak diingini. Ia menggalakkan pertumbuhan pokok.
- ii. **'Crown Thinning' (Penjarangan Kanopi)** – Pemangkasan secara selektif dan berperingkat-peringkat (10%, 15%, 20%, 25%, 30%) yang dilakukan dengan bertujuan untuk mengurangkan berat dahan serta membolehkan udara/angin/cahaya masuk dan menembusi silara daun. Ia dapat mengurangkan kesan layar (sail) pada silara di samping dapat mengelakkan pokok dari serangan penyakit.
- iii. **'Crown Lifting' (Menyingkap Kanopi)** – Pembuangan dahan-dahan pokok di bahagian bawah dengan tujuan untuk memberi laluan kepada lalulintas (2.8 meter), pejalan kaki (2 meter) dan bangunan/struktur. Dihadkan mengikut saiz dan keperluan.
- iv. **'Crown Reduction' (Mengurangkan Saiz Kanopi)** – Penjarangan yang dilakukan untuk tujuan bagi mengurangkan saiz pokok atau kelebaran pokok. Elakkan pengurangan kanopi menjadi *'Lion's Tail'*.
- v. **'Crown Balancing' (Mengimbangi Kanopi)** – Penjarangan yang dilakukan dengan tujuan untuk mengseimbangkan berat/bentuk pokok.

- vi. **'Crown Restoration' (Memulihkan Kanopi)** – Dilakukan dengan tujuan untuk memulihkan atau memperbaiki keadaan atau bentuk silara pokok. Perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat. Dilakukan untuk pokok-pokok yang rosak atau cedera disebabkan ribut atau kecederaan secara mekanikal.

Cantasan Pokok-Pokok Palma

- i. Membuang pelepah-pelepah kering kelapa sawit yang berjuntai termasuk tiga pelepah yang terbawah.
- ii. Pembuangan pelepah mestilah menggunakan pisau yang tajam supaya kelihatan kemas dan rapi (pisau khas untuk pemotongan pelepah).
- iii. Membuang anak-anak pokok yang tumbuh di pangkal-pangkal pokok kelapa sawit.
- iv. Pelepah yang telah dipotong hendaklah terus dibuang ke tempat Pusat Pelupusan Sampah.
- v. Pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap pembuangan tumbuhan/pokok menumpang atau sakat pada setiap pokok tersebut sehingga kelihatan bersih.

Masa yang sesuai melakukan pemangkasan

- Kecemasan – Dilakukan pada bila-bila masa.
- Kebanyakan pokok – Bila-bila masa; elakkan musim hujan dan kemarau.
- Pokok berbunga – Pangkas selepas berbunga.

Teknik Pemangkasan

1. Teknik Potongan

- Dibahagikan kepada tiga (3) jenis:

i. Potongan Penjarangan (Thinning Cut).

Potongan yang dilakukan pada:

- tempat asal sesuatu dahan,
- pada percabangan pokok atau,
- pada permatang dahan (Branch Bark Ridge).

Bagi mengekalkan bentuk pokok yang asal dan tidak menghasilkan sulur air.

ii. Potongan Balik (Heading Back).

Potongan yang dilakukan pada:

- puntung,
- mata tunas, atau

- dahan sisi yang kecil ($1/3$ saiz diameter batang utama).

Menghasilkan sulur air (epicormic shoots) yang banyak, silara yang padat serta dahan yang tidak kuat.

Saiz luka pada umumnya besar (luka lambat sembuh).

iii. Drop-Crotch

Potongan yang dilakukan pada batang/dahan utama kepada dahan sisi yang dipilih bagi menggantikan peranan batang/dahan utama.

Dilakukan hanya dengan tujuan untuk mengurangkan saiz ketinggian pokok. Tidak digalakkan kerana saiz luka besar di samping mengurangkan tempat simpanan tenaga dalam pokok. Menghasilkan silara pokok yang padat dengan struktur percabangan yang lemah.

Potongan dilakukan dengan memilih dahan sisi dengan saiz kurang dari setengah ($1/2$) saiz batang/dahan utama. Keutamaan diberikan dengan memilih saiz cabang sisi kira-kira $1/3$ saiz batang utama.

Potongan akhir hendaklah mengikut kaedah NTP serta serong bagi mengelakkan air dari berkumpul.

PRUNING OF OLD STUBS (DEAD WOODING)

- * Where old stubs occur in trees, check the stub base carefully. All cuts should follow the NTP technique.
- * When callus or living tissues present, avoid damage to this tissue. Make the cut just outside the callus.

PRUNING STORM DAMAGED TREES

- * Requires wise decision and prompt action if maximum repairs to be achieved.
- * Consider hiring an arborist. Repairs come in two stages; **aid for immediate attention and follow-up work.**

In deciding what action to take, you must consider the following factors:

- 1) **Severity of damaged**, if over 30% to 50% of the main branches or trunk are severely damaged, removed the tree.
- 2) **Desirability of species**, to save, replace or to removed the tree.
- 3) **Location**, if located too closed to structures or buildings, the tree may need to be removed.
- 4) **Purpose or values of tree**, does it serve a true landscaping purposes or value?

PRUNING DOSAGE

- * The amount of live tissue that should be removed depends on the **tree size, species, age as well as pruning objectives.**
- * **“An important principle to remember is that a tree can recover from several small pruning wound faster than the large wound”.**
- * Younger tree will tolerate the removal of higher percentage of living tissue than mature trees.

• RULE OF THUMB

“NEVER TO REMOVE MORE THAN 15% OF A TREE FOLIAGE AREA AT ONE TIME OR ONE FOURTH (25%) AT ONE PRUNING SEASON”.

Mature trees should require little routine pruning. Limited to the removal of dead, diseased or potentially hazardous limbs/branches.

- * Large wound, and wound may not be able to close.
- * Less energy reserve.

• WOUND DRESSING & TREATMENTS

“WOUND DRESSING DO NOT STOP ROT”

Research shows that wound dressing do not stop decay or rot. Trees respond effectively to wound without the aid of additional chemicals. Do not interfere with this natural process. Keep your tree healthy and it will take care of its wounds.

DO NOT:

- * Apply wound dressing on pruning cuts.
- * Apply an oil-based paint (house paint), or wood preservatives.

If trees are wounded, remove injured bark with a sharp knife. Make cuts as shallow as possible. Make all margins rounded, and **do not point tips**, and **do not enlarge the wound**.

PRUNING TOOLS & EQUIPMENTS

Proper equipment is vital to the pruning operation. Equipment can be grouped into the following categories: Pruning tools, safety equipment, transportation and clean-up equipment.

(i) Pruning tools:

- * Pruning shears
- * Loppers
- * Pruning saws
- * Pole pruning saws

- * Chain saws
- * Climbing aids

(ii) Safety equipment is recommended to protect the operator from injury.

- * Leggings
- * Safety glasses
- * Ear defender
- * Gloves
- * Steel toe boots
- * Hard hats
- * Ropes and lanyard
- * Safety cones, flats and signs

(iii) Transportation equipment

- * Sky Lift/Sky Master
- * Trucks
- * Crane

(iv) Clean-up equipment

- * Drum chipper, process brush and branches up to 6 inches in diameter.
- * Disk chipper, process branches and logs up to 12 inches in diameter.
- * Stump grinder.

SPESIFIKASI POKOK

A. Spesifikasi Mencantas, Pendahanan (Biasa/Pilihan) dan Andaman

- i) Mencantas dan pendahanan biasa atau pilihan bermaksud membuang dan membersihkan pokok dari tunas-tunas pokok, dahan-dahan dan pucuk yang menyalahi bentuk pokok dengan mematuhi arahan PP.
- ii) Mencantas dan pendahanan biasa atau pilihan bermula dari pangkal pokok di permukaan tanah hingga ketinggian terakhir yang diarahkan PP.
- iii) Mencantas dan pendahanan biasa atau pilihan juga melibatkan pembuangan dahan mati, hampir mati, berpenyakit, yang mengganggu talian (elektrik, telefon atau seumpamanya), menyalahi keperluan, dahan-dahan kurang subur/lemah dan dahan-dahan bergesel atau bersilang hingga ke ketinggian hujung/pucuk pokok. Ini terpakai untuk arahan kerja, kerja-kerja mencantas atau dahan bagi mengurangkan halangan.
- iv) Mencantas dan pendahanan biasa atau pilihan mengambil kira membuang tunas-tunas di batang atau dahan bagi mengurangkan halangan.
- v) Pemotongan ranting dan dahan hendaklah rapat kepada batang atau cabang dahan utama.

- vi) Kaedah mencantas mestilah dengan tiga kali keratan, yang mengelakkan dahan dari pecah atau mengoyak kulit.
- vii) Tumbuhan atau akar-akar yang kelihatan bersimpul/melilit pokok hendaklah dibuang.
- viii) Cantasan pokok yang diketahui berpenyakit, sebarang peralatan yang digunakan hendaklah dibasuh dengan methyl alcohol pada 70% atau Clorox selepas setiap pemotongan.
- x) Dalam tindakan mencantas jika dikesan penyakit, kelemahan struktur, kehadiran kereputan, kesan terbelah pada batang, cabang atau dahan menyalahi arahan kerja cantasan hendaklah dilapor kepada PP.
- ix) Kaedah cantasan adalah Drastik iaitu meninggalkan dahan yang diperlukan sahaja, serta mesti menyamai cantasan dari pokok ke pokok supaya kelihatan menarik apabila dilihat selari dengan pokok yang pertama dicantas.

B. Spesifikasi Pollard

- i) Pemotongan ranting dan dahan hendaklah rapat kepada batang atau cabang dahan utama.
- ii) Kaedah mencantas mestilah dengan tiga kali keratan, yang mengelakkan dahan dari pecah atau mengoyak kulit.
- iii) Tumbuhan atau akar-akar yang kelihatan bersimpul/melilit pokok hendaklah dibuang.
- iv) Dahan/cabang yang 'pollard' melebihi garispusat 3cm ke atas perlulah dibuat rawatan luka atau 'wound dressing'.
- v) Cantasan pokok yang diketahui berpenyakit, sebarang peralatan yang digunakan hendaklah dibasuh dengan methyl alcohol pada 70% atau Clorox selepas setiap pemotongan.
- vi) Dalam tindakan "pollard" jika dikesan penyakit, kelemahan struktur, kehadiran kereputan, kesan terbelah pada batang, cabang atau dahan menyalahi arahan kerja cantasan hendaklah dilapor kepada PP.
- vii) Pollard pokok hendaklah mengikut spesis pokok supaya tindakan pollard tidak menyebabkan pokok berkenaan mati. Sebelum kerja dijalankan pihak kontraktor mesti menghubungi atau mendapatkan penjelasan daripada PP.

C. Spesifikasi Kerja Membongkar Tunggul Pokok

- i) Semua aktiviti pembongkaran tunggul pokok perlu mendapat arahan dan kelulusan daripada PP.

- ii) Aktiviti pembongkaran tunggul perlu dibuat dengan "machinery" yang khas atau sesuai mengikut jenis dan saiz tunggul.
- iii) Sebelum pembongkaran dibuat pihak kontraktor perlu membuat lubang disekelilingnya terlebih dahulu dengan keluasan dan dalam "deep" yang sesuai.
- iv) Memastikan kerosakan yang minima terhadap pokok-pokok dipersekitaran atau harta awam dan persendirian dengan membuat perancangan awal dan sistematik.
- v) Membaikpulih segala kerosakan akibat kerja-kerja tersebut, termasuk menimbus semula lubang tunggul yang sediada dengan tanah yang sesuai dan ditanam dengan rumput jika perlu serta menyiram sehingga rumput hidup semula.
- vi) Semua tunggul atau sisa pembongkaran pokok perlu dibersihkan dan dibuang ke tapak pelupusan sampah yang diiktiraf.
- vii) Membaiki semula siarkaki yang telah pecah atau rosak disebabkan oleh kecuaiian pihak penender semasa melakukan kerja-kerja kepada keadaan asal seperti sebelum kerja dimulakan. Sekiranya pihak penender tiada kepakaran dalam melakukan kerja-kerja tersebut, penender perlu melantik kontraktor yang mempunyai kepakaran untuk membaiki siarkaki yang rosak. Kos harga kerja membaiki kerosakan perlu ditanggung oleh penender. Segala kos pembaikan termasuk dalam Jadual Kadar Harga membongkar tunggul.
- viii) Membaiki semula kabel elektrik, telefon, air, fiber optik (ITIS) dan sebagainya yang terdapat dibawah tanah dan segala proses pembaikan adalah dibawah tanggungjawab pihak kontraktor dan pihak kontraktor perlu hubungi agensi terlibat untuk tindakan selanjutnya.

D. Kerja Pemangkasan Dan Pemotongan Pokok

1.0 Penjenteraan Kerja Pemangkasan Dan Pemotongan Pokok

- a) Penjenteraan ialah asas kontrak ini dan kontraktor hendaklah menggunakan kelengkapan berjentera untuk melaksanakan semua operasi kecuali ditentukan sebaliknya dalam Dokumen Kontrak, atau diarahkan oleh PP bagi keadaan tertentu satu-satu tapak.
- b) Operasi hendaklah dijalankan dengan menggunakan kelengkapan berjentera:
 - i) Pemotongan pokok
 - ii) Pemangkasan pokok
 - iii) Kontraktor hendaklah menggunakan jentera bagi apa-apa operasi kerja yang dikenalpasti dan diarahkan oleh PP misalnya, pemotongan kayu bagi kegunaan kerja acuan, membersihkan kerja yang siap dan persekitaran tapak kerja.

- c) Semua mesin, peralatan dan kelengkapan berjentera dan peralatan yang tidak bermotor yang digunakan untuk operasi hendaklah diluluskan oleh PP.
- d) Kontraktor hendaklah menggunakan kelengkapan bermotor untuk kerja/operasi hortikultur yang ditunjukkan dibawah:-

OPERASI	KELENGKAPAN BERMOTOR	TUJUAN
i) Pemotongan pokok dan pemangkasan pokok	i) Gergaji berantai ii) Kren terpasang pada lori. iii) Pelantar hidrolik	i) Untuk memotong dahan dan batang pokok. ii) Untuk menjaga dahan, batang dan sebagainya yang telah dipotong. iii) Untuk mengangkat bahagian pokok yang dipotong dan sebagainya. iv) Untuk mengangkat pekerja bagi memangkas dahan pada ketinggian yang berbeza. v) Untuk mencincang daun, ranting, dahan dan batang pokok serta dimasukkan terus ke dalam lori sampah.

7.0 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN

Dalam melaksanakan perkhidmatan kerja-kerja pembersihan, aspek-aspek kerja yang berkaitan adalah khusus membawa pengertian seperti berikut :-

i. Kualiti Kerja

- b) Keadaan keseluruhan kawasan berkaitan sentiasa bersih, bebas daripada sampah sarap, kotoran sebagainya termasuk kawasan berumput, siar kaki, kawasan *pavement* dan semua fasiliti/ kemudahan.
- c) Keadaan keseluruhan kawasan permukaan dan sekitar kolam/ air terjun berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada takungan sampah.
- d) Sampah yang dikumpulkan perlu dibersihkan serta merta.
- e) Keadaan keseluruhan kawasan permukaan landskap kejur (*hardscape*) sentiasa bersih, bebas daripada lumut, pasir, tanah dan lain-lain kotoran.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pembersihan mestilah dilaksanakan **SERTA MERTA** pada setiap hari termasuk hari minggu, cuti am dan cuti umum.
- b) Langkah-langkah hendaklah diambil agar sampah tidak bertaburan semasa kerja-kerja mengangkut atau pembuangan sampah dijalankan. Kontraktor hendaklah mengambil tanggungjawab supaya pengendalian pembuangan sampah dilakukan dengan cermat supaya tidak merosakkan tong sampah.
- c) Pihak kontraktor perlu **menggunakan lori bersaiz 1 tan atau motorsikal roda tiga** bagi kerja-kerja pengutipan sampah.
- e) Jika terdapat lawatan VIP atau rasmi negara, maka setiap bungkus plastik sampah perlu dibuang **SERTA MERTA**.

iii. Peralatan dan Kelengkapan Pembersihan

- a) Peralatan dan kelengkapan yang mesti disediakan oleh kontraktor untuk kerja-kerja pembersihan adalah seperti berikut:
 - i) Plastik sampah berwarna hijau
 - ii) Penyapu lidi atau yang sesuai
 - iii) Pencakar sampah/ daun atau yang sesuai
 - iv) Penyodok longkang
 - v) Pengaut sampah
 - vii) Mesin blower cordless (mengurangkan bunyi bising)
 - ix) Motorsikal roda tiga
 - xi) Lori 1 tan
 - xii) Lain-lain keperluan/ peralatan

7.1 KERJA-KERJA PENCUCIAN LANDSKAP KEJUR

Dalam melaksanakan perkhidmatan kerja-kerja penyelenggaraan, aspek-aspek kerja yang berkaitan adalah khusus membawa pengertian seperti berikut :-

a) Kualiti Kerja

- a) Keadaan keseluruhan landskap kejur sentiasa bersih dan kemas dari aspek kemasan bahan dan bentuk asal seperti bebas daripada karat, habuk dan lumut yang mencacatkan pandangan.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Melaksanakan kerja penyelenggaraan secara berkala melalui kaedah mengelap, menyembur atau mengorek atau mana-mana yang bersesuaian sehingga bentuk asal dikembalikan.

iii. Peralatan dan Kelengkapan

- (i) *High Pressure Water Jet*
- (ii) Bahan pencuci (mestilah dalam bentuk serbaguna, neutral dan atau pembasmi kuman serta tidak mencemar alam sekitar)
- (iii) Penyapu / berus / lain-lain peralatan yang bersesuaian
- (iv) Papan amaran
- (v) Kain untuk mengelap, mencuci dan mengering
- (vi) Tangga 'everlast' jenis lipat termasuk platform

7.2 PEMBERSIHAN BANGUNAN

Dalam melaksanakan perkhidmatan kerja-kerja pembersihan, aspek-aspek kerja yang berkaitan adalah khusus membawa pengertian seperti berikut :-

7.2.1 PEMBERSIHAN DALAM DAN LUAR PEJABAT/BANGUNAN

i. Kualiti Kerja

Kawasan dalam dan luar bangunan pejabat sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pembersihan bahagian dalam bangunan pejabat termasuklah:
 - Pembuangan sampah
 - Pembuangan habuk dan sawang
 - Mengelap peralatan dalam pejabat
 - Susun semula peralatan pejabat
 - Mencuci tingkap, dinding, cermin, dan lain-lain peralatan bahagian dalam pejabat
 - Membersih lampu pejabat
 - Menyapu
 - Menyediakan pewangi pejabat
- b) Pembersihan bahagian luar bangunan pejabat termasuklah:
 - Penyelenggaraan perabot taman, tangga, longkang dan 'sump', 'grill', pagar dan papan tanda
 - Membuang sampah/ membersihkan tong sampah
 - Menyapu dan mencuci lantai
 - Mencuci bumbung/ atap
 - Membuang lumut dan tumbuhan di bangunan pejabat
- c) Pihak kontraktor perlu menyediakan kemudahan bagi setiap pejabat seperti tong dan plastik sampah.
- d) Pembersihan pejabat mestilah dilaksanakan sehari sekali.
- e) Semua sampah sarap yang dibersihkan mestilah dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang setiap dua kali sehari iaitu pagi dan petang dan urusan pembuangan sampah hendaklah ditanggung

oleh pihak kontraktor dan perlu dibuang ke kawasan pelupusan sampah yang ditetapkan oleh DBKL.

- f) Pihak kontraktor perlu menyediakan program dan jadual kerja kemajuan penyelenggaraan seperti yang dikehendaki. Inventori kerja penyelenggaraan pejabat perlu disediakan.
- g) Mengadakan rekod pembersihan harian dan perlu dipamerkan di setiap pejabat.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Bahan pencuci
- b) Pewangi
- c) Penyapu/ berus/ pencakar
- d) Vacuum
- e) Kain pengelap dan pengering
- f) Lain-lain peralatan yang sesuai

7.2.2 PEMBERSIHAN SURAU

i. Kualiti Kerja

Kawasan dalam dan luar bangunan surau sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.

Kain telekung dan sejadah hendaklah dicuci dan memastikan ianya sentiasa bersih dan sentiasa wangi.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pembersihan bahagian dalam surau termasuklah:
 - Pembuangan sampah
 - Pembuangan habuk dan sawang
 - Mengelap peralatan dalam surau
 - Susun semula peralatan surau
 - Mencuci tingkap, dinding, cermin, dan lain-lain peralatan bahagian dalam surau
 - Membersih lampu surau
 - Menyapu
 - Mencuci dan membersihkan kain telekung dan sejadah
 - Menyediakan pewangi surau dan pelapik alas kaik (floor mat) dan lain-lain yang sesuai.
 - Menghias (sedia ada/ kreativiti sendiri) surau
- b) Pembersihan bahagian luar sekitar surau termasuklah:
 - Penyelenggaraan perabot taman, tangga, longkang dan 'sump', 'grill', pagar dan papan tanda
 - Membuang sampah/ membersihkan tong sampah
 - Menyapu dan mencuci lantai

- Mencuci bumbung/ atap
 - Membuang lumut dan tumbuhan di bangunan surau
 - Menjaga / mencantikkan surau
- c) Pihak kontraktor perlu menyediakan kemudahan bagi setiap surau seperti tong, plastik sampah dan lain -lain yang berkaitan.
- d) Pembersihan surau mestilah dilaksanakan sehari dua (2)kali.
- e) Semua sampah sarap yang dibersihkan mestilah dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang setiap dua kali sehari iaitu pagi dan petang dan urusan pembuangan sampah hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor dan perlu dibuang ke kawasan pelupusan sampah yang ditetapkan oleh DBKL.
- f) Pihak kontraktor perlu menyediakan program dan jadual kerja kemajuan penyelenggaraan seperti yang dikehendaki. Inventori kerja penyelenggaraan surau perlu disediakan.
- g) Mengadakan rekod pembersihan harian dan perlu dipamerkan di setiap surau.
- h) Kain telekung dan sejadah hendaklah dibasuh seminggu sekali pada hari bekerja. Pihak kontraktor hendaklah menyediakan kain telekung yang lain sebagai ganti kepada kain telekung yang dibasuh dan sentiasa bersih dan sentiasa wangi.

iii. **Peralatan (tidak terhad)**

- a) Bahan pencuci
- b) Pewangi
- c) Penyapu/ berus/ pencakar
- d) Vacuum
- e) Kain pengelap dan pengering
- f) Lain-lain peralatan yang sesuai

7.2.3 PEMBERSIHAN TANDAS

ii. **Kualiti Kerja**

Kawasan dalam dan luar bangunan tandas sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur termasuk segala kekotoran termasuk daki-daki dan percikkan air cucian yang melekat.

Kawasan dalam dan luar bangunan tandas termasuk cermin, mangkuk tandas, kelengkapan 'sanitary' dan sebagainya sentiasa berada dalam keadaan wangi dan bersih.

iii. **Kaedah Pelaksanaan**

- i) Pembersihan bahagian dalam tandas termasuklah:
 - o Pembuangan sampah

- Pembuangan habuk dan sawang
 - Membekal dan menyediakan kertas tisu, pewangi, bahan pencuci tangan dan kelengkapannya lain yang berkaitan setiap hari.
 - Mencuci tingkap, dinding, cermin, mangkuk tandas, kelengkapan 'sanitary' dan lain-lain peralatan dalam tandas setiap hari
 - Membersih lampu, kipas di dalam & luar bangunan tandas.
 - Menyapu Mencuci lantai, dinding dan siling dari kotoran, daki-daki dan percikkan air dari kerja-kerja cucian.
 - Menyediakan pewangi tandas
 - Menghias (sedia ada/ kreativiti sendiri) surau
- j) Pembersihan bahagian luar sekitar tandas termasuklah:
- Penyelenggaraan perabot taman, tangga, longkang dan 'sump', 'grill', pagar dan papan tanda
 - Membuang sampah/ membersihkan tong sampah
 - Menyapu dan mencuci lantai
 - Mencuci bumbung/ atap
 - Membuang lumut dan tumbuhan di bangunan tandas
 - Menjaga / mencantikkan tandas
- k) Pihak kontraktor perlu menyediakan kemudahan bagi setiap tandas seperti tong dan plastik sampah.
- l) Pembersihan tandas mestilah dilaksanakan empat (4) kali sehari.
- m) Semua sampah sarap yang dibersihkan mestilah dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang setiap dua kali sehari iaitu pagi dan petang dan urusan pembuangan sampah hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor dan perlu dibuang ke kawasan pelupusan sampah yang ditetapkan oleh DBKL.
- n) Pihak kontraktor perlu menyediakan program dan jadual kerja kemajuan penyelenggaraan seperti yang dikehendaki. Inventori kerja penyelenggaraan tandas perlu disediakan.
- o) Mengadakan rekod pembersihan harian dan perlu dipamerkan di setiap surau.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Bahan pencuci
- b) Pewangi
- c) Penyapu/ berus/ pencakar
- d) Vacuum
- e) Kain pengelap dan pengering
- f) Lain-lain peralatan yang sesuai

7.2.4 PEMBERSIHAN PONDOK PENGAWAL

i. Kualiti Kerja

Kawasan dalam dan luar bangunan pondok pengawal sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pembersihan bahagian dalam pondok pengawal termasuklah:
 - Pembuangan sampah
 - Pembuangan habuk dan sawang
 - Mengelap peralatan dalam pondok pengawal
 - Susun semula peralatan pondok pengawal
 - Mencuci tingkap, dinding, cermin, dan lain-lain peralatan bahagian dalam pondok pengawal
 - Membersih lampu pondok pengawal
 - Menyapu
- b) Pembersihan bahagian luar sekitar pondok pengawal termasuklah:
 - Membuang sampah/ membersih tong sampah
 - Menyapu dan mencuci lantai
 - Mencuci bumbung/ atap
 - Membuang lumut dan tumbuhan di bangunan pondok pengawal
- c) Pihak kontraktor perlu menyediakan kemudahan bagi setiap pondok pengawal seperti tong dan plastik sampah.
- d) Pembersihan pondok pengawal mestilah dilaksanakan sehari sekali.
- e) Semua sampah sarap yang dibersihkan mestilah dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang setiap dua kali sehari iaitu pagi dan petang dan urusan pembuangan sampah hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor dan perlu dibuang ke kawasan pelupusan sampah yang ditetapkan oleh DBKL.
- f) Pihak kontraktor perlu menyediakan program dan jadual kerja kemajuan penyelenggaraan seperti yang dikehendaki. Inventori kerja penyelenggaraan pondok pengawal perlu disediakan.
- g) Mengadakan rekod pembersihan harian dan perlu dipamerkan di setiap pondok pengawal.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Bahan pencuci
- b) Pewangi
- c) Penyapu/ berus/ pencakar
- d) Vacuum
- e) Kain pengelap dan pengering
- f) Lain-lain peralatan yang sesuai

8.0 PEMBERSIHAN BADAN AIR

Dalam melaksanakan perkhidmatan kerja-kerja pembersihan badan air, aspek-aspek kerja yang berkaitan adalah khusus membawa pengertian seperti berikut :-

i. Kualiti Kerja

- a) Keadaan keseluruhan permukaan air dan gigi air sentiasa bersih, bebas daripada takungan sampah sarap, kotoran sebagainya termasuk kawasan jeti dan kawasan *pavement* sekeliling badan air.
- b) Sampah yang dikumpulkan perlu dibersihkan serta merta.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- b) Pembersihan mestilah dilaksanakan **SERTA MERTA** pada setiap hari termasuk hari minggu, cuti am dan cuti umum.
- b) Langkah-langkah hendaklah diambil agar sampah tidak bertaburan semasa kerja-kerja mengangkut atau pembuangan sampah dijalankan. Kontraktor hendaklah mengambil tanggungjawab supaya pengendalian pembuangan sampah dilakukan dengan cermat supaya tidak merosakkan tong sampah.
- c) Pihak kontraktor perlu **menggunakan sampan dan jaket keselamatan** bagi kerja-kerja pengutipan sampah.
- f) Jika terdapat lawatan VIP atau rasmi negara, maka setiap bungkusan plastik sampah perlu dibuang **SERTA MERTA**.

iii. Peralatan dan Kelengkapan Pembersihan

- b) Peralatan dan kelengkapan yang mesti disediakan oleh kontraktor untuk kerja-kerja pembersihan adalah seperti berikut:
 - i) Plastik sampah berwarna hijau
 - ii) Sampan bersama enjin bot
 - iii) Jaket keselamatan
 - iv) Penyepit sampah
 - v) Lain-lain keperluan/ peralatan

9.0 KERJA-KERJA PROVISIONAL SUM

Dalam melaksanakan kerja-kerja di bawah provisional sum, aspek-aspek kerja yang berkaitan adalah khusus membawa pengertian seperti berikut :-

9.1 KERJA-KERJA MEMBEKAL RACUN SERANGGA DAN PEROSAK

i. Kualiti Kerja

- a) Penyakit dan perosak pada tanaman landskap dapat dikawal
- b) Tiada kerosakan atau kemalangan kepada pekerja penyembur racun, orang awam dan harta benda

ii. Kaedah Pelaksanaan

- a) Mengenalpasti jenis serangan penyakit atau perosak. Jika perlu, ambil sampel atau serangga perosak untuk dikenalpasti.
- b) Pihak kontraktor perlu memastikan pekerja memakai personal protection equipment (PPE) semasa melakukan kerja-kerja meracun.
- c) Pastikan semburan tidak berlawanan dengan arah angin. Semburan mestilah merata keseluruhan pokok.
- d) Jangan makan dan minum, elakkan dari menghisap rokok semasa proses penyemburan dijalankan.
- e) Meletakkan papan tanda amaran sebelum memulakan kerja-kerja meracun.

iii. Peralatan (tidak terhad)

- a) Personal protection equipment (PPE)
- b) Racun perosak yang sesuai
- c) Penyembur racun
- d) Papan tanda amaran
- e) Lain-lain keperluan/ peralatan

9.2 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SAMPAH-SARAP SELEPAS ACARA / MAJLIS RASMI LUAR JANGKA ATAU DI LUAR SKOP HAKIKI

Dalam melaksanakan perkhidmatan kerja-kerja pembersihan, aspek-aspek kerja yang berkaitan adalah khusus membawa pengertian seperti berikut :-

iv. Kualiti Kerja

- f) Keadaan keseluruhan kawasan berkaitan sentiasa bersih, bebas daripada sampah sarap, kotoran sebagainya termasuk kawasan berumput, siar kaki, kawasan *pavement* dan semua fasiliti/ kemudahan.
- g) Keadaan keseluruhan kawasan permukaan dan sekitar kolam/ air terjun berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada takungan sampah.
- h) Sampah yang dikumpulkan perlu dibersihkan serta merta.

- i) Keadaan keseluruhan kawasan permukaan landskap kejur (hardscape) sentiasa bersih, bebas daripada lumut, pasir, tanah dan lain-lain kotoran.

ii. Kaedah Pelaksanaan

- c. Pembersihan mestilah dilaksanakan **SERTA MERTA** selepas sesuatu acara/majlis dijalankan
- d. Kerja-kerja pembersihan sampah sarap di luar jangka /luar skop kerja
- e. Samada melibatkan event DBKL atau event bukan DBKL
- f. Langkah-langkah hendaklah diambil agar sampah tidak bertaburan semasa kerja-kerja mengangkut atau pembuangan sampah dijalankan. Kontraktor hendaklah mengambil tanggungjawab supaya pengendalian pembuangan sampah dilakukan dengan cermat supaya tidak merosakkan tong sampah.

iii. Peralatan dan Kelengkapan Pembersihan

- a) Peralatan dan kelengkapan yang mesti disediakan oleh kontraktor untuk kerja-kerja pembersihan adalah seperti berikut:
 - i) Plastik sampah berwarna hijau
 - ii) Penyapu lidi atau yang sesuai
 - iii) Pencakar sampah/ daun atau yang sesuai
 - iv) Pengaut sampah
 - vii) Mesin blower
 - ix) Motorsikal roda tiga
 - xi) Lain-lain keperluan/ peralatan

9.3 KERJA-KERJA PEMOTONGAN / PENEANGAN POKOK TUMBANG ATAU BERISIKO

Kerja-kerja kecemasan dan luar jangka seperti pokok tumbang, patah akibat ribut, membongkar tunggul, penebangan pokok dan pelupusan sisa dan lain-lain yang bersangkutan dengannya.

UNTUK KELOMPOK TENDER DBKIL SAHAJA

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Tajuk Perolehan

BAHAGIAN 8. RINGKASAN TENDER

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN
LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI PERDANA KUALA LUMPUR
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAHAGIAN 8. RINGKASAN TENDER

NOTA TERHADAP RINGKASAN TENDER

1. **Ringkasan Tender** hanyalah merupakan **panduan kepada kontraktor** dalam menentukan tawaran pual. Oleh itu rujukan mestilah dibuat terhadap spesifikasi dan lukisan.
2. Harga atau jumlah bagi butir-butir di dalam Ringkasan Tender adalah dianggap merangkumi kesemua tanggungjawab dan kewajipan kontraktor dan segala perkara yang perlu untuk menyiapkan kerja supaya selaras dengan spesifikasi dan lukisan.
3. Kerja-kerja dan bahan-bahan yang dinyatakan di dalam Ringkasan Tender adalah dijelaskan di dalam bahagian spesifikasi yang berkaitan dengannya. Keperluan-keperluan lanjut mungkin dicatatkan di lain-lain bahagian spesifikasi ataupun keperluan ini.
4. Kontraktor mestilah melawat tapak binaan dan mengenalpasti keadaan tapak dan segala aspek kerja sebelum menentukan nilai harga bagi kerja-kerja tersebut.
5. Sebarang kesilapan atau kekurangan di dalam Ringkasan Tender tidak memberi kesan terhadap jumlah tawaran. Kesilapan-kesilapan ini harus diperbetulkan supaya jumlah campuran harga-harga bagi butir-butir di dalam Ringkasan Tender menyamai jumlah tawaran.
6. Jika Pegawai Penguasa berpendapat bahawa harga untuk butir-butir kerja tertentu di dalam Ringkasan Tender tidak munasabah ia berhak mengubahsuaian menyelaraskan harga-harga tersebut asalkan jumlah tawaran tidak berubah.
7. Kesemua butir-butir kerja ditunjukkan dalam lukisan dan dinyatakan di dalam spesifikasi adalah dianggap telah termasuk di dalam tawaran samada ianya disenaraikan di dalam Ringkasan Tender ataupun sebaliknya.
8. Jumlah Harga Tawaran yang ditawarkan dalam dokumen ini adalah **telah termasuk turun naik harga**. Oleh itu, apa-apa kenaikan atau pengurangan dalam turun naik harga tidak akan diambilkira dalam menentukan Jumlah Harga Kontrak Muktamad.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP DAN REKREASI

RINGKASAN TENDER

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR
DI TAMAN BOTANI PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini telah melihat serta memahami segala isi kandungan dan arahan dalam tawaran dan dengan ini bersetuju membekal buruh, tenaga mahir dan bahan-bahan bagi menyempurnakan kerja-kerja tersebut :-

Jumlah Wang Pukul keseluruhan Tawaran saya/kami bagi tawaran ini adalah **Ringgit Malaysia**

(RM.....).

yang mana terdiri daripada berikut :

ITEM	DESCRIPTION	FROM PAGE NO	AMOUNT (RM)
1.	KERJA AWALAN/PENDAHULUAN (PRELIMINARIES)	BQ/1	
2.	TENAGA KERJA PENGURUSAN/TEKNIKAL	BQ/1	
3.	PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT UMUM	BQ/2	
4.	PENGURUSAN POKOK /PENYELENGGARAAN TANAMAN	BQ/4	
5.	PENYIRAMAN	BQ/5	
6.	PEMBUANGAN SISA DAN BAHAN BUANGAN LANDSKAP	BQ/5	
7.	PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN SISA POTONGAN	BQ/6	
8.	PENYELENGGARAAN RUMPUT /TURF	BQ/6	
9.	PENYELENGGARAAN LANDSKAP KEJUR (BANGUNAN)	BQ/10	
10	PEMBERSIHAN KESELURUHAN KAWASAN TAMAN	BQ/11	
11	PEMBERSIHAN LANDSKAP KEJUR(PERABOT TAMAN)	BQ/17	
12	PEMBERSIHAN BADAN AIR	BQ/18	
13	PEMBERSIHAN SURAU	BQ/19	
14	PEMBERSIHAN TANDAS	BQ/21	
15	PROVISIONAL SUM 15.1 Kerja-Kerja Kawalan Perosak Dan Penyakit 15.2 Kerja-Kerja Inventori Kawasan Kontrak Dan Penyediaan Laporan 15.3 Kerja-Kerja Pembersihan Sampah-Sarap Selepas Acara/Majlis Rasmi Luar Jangka@Diluar Skop Kerja 15.4Kerja-Kerja Pembersihan Pokok Tumbang dan Penebangan Pokok Mati 15.5 Kerja – kerja penanaman /penyulaman rumput	BQ/22	15,000.00 5,000.00 50,000.00 200,000.00 30,000.00
	JUMLAH HARGA TAWARAN DIBAWA KE BORANG TENDER (m.s. BT/2 perenggan 4)		

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
(samb.)**

Nota :-

" **PROVISIONAL** " hanya akan digunakan atas arahan Pegawai Penguasa secara bertulis dan jika tidak digunakan samada separuh atau keseluruhannya, jumlah ini akan ditolak daripada jumlah harga kontrak.

JUMLAH TAWARAN KESELURUHAN yang ditawarkan dalam dokumen ini adalah telah termasuk turun naik harga. Oleh itu, apa-apa kenaikan atau pengurangan dalam turun naik harga tidak akan diambilkira dalam menentukan Jumlah Harga Kontrak Muktamad.

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Tender ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Tender.

Tandatangan Petender : _____

Nama Petender : _____

Nama dan Alamat Syarikat : _____

Tarikh : _____

Materi atau Cop Petender : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama Saksi : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN
LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI PERDANA KUALA LUMPUR
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAHAGIAN 9. SENARAI KUANTITI (BQ)

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBKIL SAHAJA

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga (RM) (c)	Jumlah (RM) (d= a × b × c)
1.0	PENDAHULUAN (PRELIMINARIES)					
	1.1. Insurans	Pukal	-	-	-	
	1.2. Performance Bond	Pukal	-	-	-	
	LAPORAN					
	1.3. Menghantar laporan kemajuan kerja bulanan (1 salinan)	Set	1	36		
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 1)						
2.0	TENAGA PEKERJA PENGURUSAN/ TEKNIKAL					
2.1	Arborist	Orang	1	36		
	Menyediakan seorang (1) Arboris yang bertauliah berkaitan bidang arborikultur daripada Persatuan Arboris Malaysia (PARM) atau International Society of Arboriculture (ISA)					
2.2	Laporan Arborist	Set	1	36		
	Mengemukakan Laporan Arborist (MTA) mengenai pokok dan perkara yang berkaitan dengannya.					
	*Nota: Pihak kontraktor wajib mengemukakan salinan sijil kelayakan bagi setiap Arboris yang dilantik kepada DBKL. Perlantikan adalah berdasarkan kelulusan pihak DBKL					
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 2)						

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga (RM) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
3.0	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT UMUM					
3.1	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP UMUM (MENGSEMBUR TANAH, MERUMPAI, STAKING, GUYING DAN PENJARANGAN POKOK)					
	menjalankan kerja-kerja mengsembur tanah, merumpai, staking, guying, membersihkan dahan/ranting/daun kering dan membentuk tanaman beserta melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap yang berkaitan mengikut arahan dari masa ke semasa di tapak dengan penggunaan tenaga kerja yang mencukupi, peralatan dan jentera yang butuh.					
3.1.1	Pokok Utama / Besar / Topiari :-					
	a. Ketinggian (bawah 12 kaki/3.5 meter)	nos	3,731	36		
	b. Ketinggian (atas 12 kaki/3.6 meter)	nos	2,397	36		
3.1.2	Pokok Palma/Buluh :-					
	a. Ketinggian (bawah 12 kaki/3.5 meter)	nos	833	36		
	b. Ketinggian (atas 12kaki/3.6 meter)	nos	204	36		
3.1.3	Pokok Renek / Shrubs, Memanjat/Menjalar (Climber) dan Penutup Bumi :-					
	3.1.4.1 Zon 1	m ²	2,718.5	36		
	3.1.4.2 Zon 2	m ²	3,340.6	36		
	3.1.4.3 Zon 3	m ²	2,733.3	36		
	3.1.4.4 Zon 4	m ²	3,230.6	36		
	3.1.4.5 Zon 5	m ²	2,522.4	36		
	3.1.4.6 Zon 6	m ²	2,194.7	36		
	3.1.4.7 Zon 7	m ²	1,722.8	36		
	3.1.4.8 Zon 8	m ²	1,580.4	36		
	3.1.4.9 Zon 9	m ²	1,386.7	36		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 3)					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**
BILL OF QUANTITIES

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga (RM) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
4.0	PENYELENGGARAAN TANAMAN (TRIMMING, PINCHING, PRUNING)/PENGURUSAN POKOK					
	a. Menjalankan kerja <i>pinching</i> , <i>trimming</i> , <i>mengandam</i> dan <i>pruning</i> pokok dengan penggunaan tenaga kerja yang mencukupi, peralatan dan jentera yang betul.					
	b. Kerja-kerja penjarangan dan <i>trim</i> pokok pagaran, pokok renek, pokok penutup bumi, pokok topiari, pokok memanjat dan tanaman akuatik					
	c. Kerja-kerja menyapu, memungut dan membuang sampah ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan.					
	d. Menjalankan kerja- kerja membuang pokok duit-duit,pokok liar yang melilit, yang tumbuh dalam batas dan lain- lain berkaitan dengan penggunaan tenaga kerja yang mencukupi, peralatan dan jentera yang betul.					
	e. Kerja-kerja menyapu, memungut dan membuang sampah ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan					
	4.1.1 Pokok Renek / Shrubs, Climber dan penutup bumi :-					
	4.1.1.1 Zon 1	m ²	2,718.5	36		
	4.1.1.2 Zon 2	m ²	3,340.6	36		
	4.1.1.3 Zon 3	m ²	2,733.3	36		
	4.1.1.4 Zon 4	m ²	3,230.6	36		
	4.1.4.5 Zon 5	m ²	2,522.4	36		
	4.1.4.6 Zon 6	m ²	2,194.7	36		
	4.1.4.7 Zon 7	m ²	1,722.8	36		
	4.1.4.8 Zon 8	m ²	1,580.4	36		
	4.1.4.9 Zon 9	m ²	1,386.7	36		
	JUMLAH DIBAWA KE M/S BQ/4					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**
BILL OF QUANTITIES

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga (RM) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
	JUMLAH DARI M/S BQ/3					
4.2	PENJAGAAN POKOK RENDANG (RIGGING, SHEARING DAN PRUNING POKOK)					
	a. Menjalankan kerja, <i>rigging</i> , <i>shearing</i> dan <i>pruning</i> pokok dengan penggunaan tenaga kerja yang mencukupi, peralatan dan jentera yang betul.					
	b. Menjalankan kerja membuang tunas air, pokok penumpang seperti sakat, pokok duit-duit dll pada pokok dengan penggunaan tenaga kerja yang mencukupi, peralatan dan jentera yang betul.					
	c. Kerja-kerja membuang pelepah /dahan / mati kering /rosak /patah /condong dan lain- lain yang berkaitan					
	d. Kerja-kerja menyapu, memungut dan membuang sampah ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan					
	4.2.1 Pokok Utama / Besar / Topiari :-					
	a. Ketinggian (bawah 12 kaki/3.5 meter)	Nos	3,731	36		
	b. Ketinggian (atas 12 kaki/3.6 meter)	Nos	2,397	36		
	4.2.2 Pokok Palma/Buluh:-					
	a. Ketinggian (bawah 12 kaki/3.5 meter)	Nos	833	36		
	b. Ketinggian (atas 12 kaki/3.6 meter)	Nos	204	36		
	Nota:- Jumlah pokok termasuk Taman Bunga Raya, Taman Herba& Taman Haruman, Taman Rusa, Taman Orkid dan Taman Etnobotani					
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 4)					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga (RM) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
5.0	PENYIRAMAN					
	a. Menjalankan kerja penyiraman pokok dengan penggunaan tenaga kerja yang mencukupi, peralatan dan kenderaan yang betul.					
	b. Kerja-kerja menyiram semua jenis tanaman					
	5.1.1 Topiari/Renek Individu :-					
	a. Ketinggian (bawah 12 kaki/3.5 meter)	Nos	382	36		
	5.1.2 Pokok Palma/Buluh:-					
	a. Ketinggian (bawah 12 kaki/3.5 meter)	Nos	833	36		
	5.1.3 Pokok Renek / Shrubs, Memanjat/Menjalar (Climber) dan penutup bumi :-					
	5.1.3.1 Zon 1	m ²	2,718.5	36		
	5.1.3.2 Zon 2	m ²	3,340.6	36		
	5.1.3.3 Zon 3	m ²	2,733.3	36		
	5.1.3.4 Zon 4	m ²	3,230.6	36		
	5.1.3.5 Zon 5	m ²	2,522.4	36		
	5.1.3.6 Zon 6	m ²	2,194.7	36		
	5.1.3.7 Zon 7	m ²	1,722.8	36		
	5.1.3.8 Zon 8	m ²	1,580.4	36		
	5.1.3.9 Zon 9	m ²	1,386.7	36		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 5)					
6.0	PEMBUANGAN SISA DAN BAHAN BUANGAN LANDSKAP					
	Menyediakan tong roro serta kenderaan bagi kerja-kerja pembuangan sisa bahan hidup (green material) di kisar (shreading) atau dilupuskan berdasarkan arahan Pegawai Penguasa.(1bulan / 2kali)	Bulan	2	36		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 6)					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga (RM) (c)	Jumlah (RM) (d= a × b × c)
7.0	PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN SISA POTONGAN					
	a. Menjalankan kerja pemotongan rumput & pembersihan sisa potongan sebanyak dua (2) kali pusingan sebulan berdasarkan spesifikasi dan skop kerja dengan penggunaan tenaga kerja yang mencukupi, peralatan dan jentera yang betul.					
	b. Kerja-kerja menyapu, memungut dan membuang sisa rumput ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan.					
	a. Zon 1	m ²	4,101	36		
	b. Zon 2a	m ²	4,146	36		
	c. Zon 2b(Taman Herba & Wangian)	m ²	2,125	36		
	d. Zon 3	m ²	6,789	36		
	e. Zon 4	m ²	5,007	36		
	f. Zon 5	m ²	8,557	36		
	g. Zon 6a	m ²	9,249	36		
	h. Zon 6b (Taman Rusa)	m ²	3,657	36		
	i. Zon 7	m ²	5,172	36		
	j. Zon 8a	m ²	933	36		
	k. Zon 8b (Taman Bunga Raya)	m ²	2,421	36		
	l. Zon 8c (Taman Orkid)	m ²	2,341	36		
	m. Zon 9a	m ²	8,200	36		
	n. Zon 9b (Taman Etnobotani)	m ²	3,674	36		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 7)					
8.0	PENYELENGGARAAN RUMPUT/TURF					
	a. Menjalankan kerja penyiraman, membaja, mencabut tumbuhan liar dan kerja					
	b. Kerja-kerja memotong turf menggunakan jentera yang sesuai. Jentera lawn					
	c. Kerja-kerja menyapu, memungut dan membuang sisa turf ke tempat					
	d. Kerja-kerja membuang rumpai liar yang tumbuh dalam kawasan turf. Rumpai hendaklah dicabut sehingga mengeluarkan akar					
	a. Zon 1	m ²	4,101	36		
	b. Zon 2a	m ²	4,146	36		
	c. Zon 4	m ²	5,007	36		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 8)					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga (RM) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
9.0	PENYELENGGARAAN LANDSKAP KEJUR (BANGUNAN)					
	9.1 PEMBERSIHAN DALAM BANGUNAN UMUM					
	a. Pencucian dan pembersihan keseluruhan dalam bangunan meliputi bilik-bilik / ruang-ruang pejabat, tandas,surau, setor,galeri, bilik mesyuarat, tingkat atas dan bawah, tangga dan lain-lain kawasan di dalam bangunan. b. Menyapu dan mop keseluruhan lantai dalam bangunan menggunakan alat dan bahan pencuci yang bersesuaian. c. Mencuci kelengkapan pejabat termasuk meja, kerusi, telefon, komputer, printer dan kelengkapan pejabat yang lain. d. Memungut ,mengutip dan membuang semua sampah sarap,tong sampah dan menyediakan tempat membuang sampah yang mencukupi dan memastikan semua tong-tong sampah dan kelengkapan-kelengkapan lain sentiasa bersih dan kemas. e. Mencuci dan membersihkan semua ruang-ruang, tangga termasuk dinding, ' handrailing ' dan sebagainya f. Menyediakan pewangi agar sentiasa berbau harum					
	9.1.1 Bangunan Herbarium	Nos	1	36		
	9.1.2 Visitor Information Center (VIC)	Nos	1	36		
	9.1.3 Bilik Eviroment Education (EE)	Nos	1	36		
	9.1.4 Boat House	Nos	1	36		
	9.1.5 Galeri Taman Bunga Raya	Nos	1	36		
	9.1.6 Pejabat Taman Bunga Raya	Nos	1	36		
	9.1.7 Pondok Pengawal Post A,B, C dan Taman Orkid	Nos	4	36		
	9.1.8 Pondok Kaunter Tiket	Nos	2	36		
	JUMLAH DIBAWA KE M/S BQ/8					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Huraian (All Provisional)	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga(R M) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
	JUMLAH DARI M/S BQ/7					
	9.2 PEMBERSIHAN DALAM BANGUNAN (DETAIL)					
	a. Mencuci/ mengering / 'vacum' karpet menggunakan mesin dan bahan cuci karpet yang bersesuaian supaya tidak berdebu dan berhabuk serta sentiasa berbau harum					
	b. Mencuci dinding dan siling bangunan (konkrit dan cermin) di kedua-dua permukaan dalam dan luar termasuk tingkap daripada sawang, habuk, daki-daki dan sebarang kotoran yang melekat pada lantai, dinding dan siling.					
	c. Mencuci kelengkapan elektrik termasuk lampu, kipas dan kelengkapan elektrik yang lain.					
	9.2.1 Bangunan Herberium	Nos	1	36		
	9.2.2 Visitor Information Center (VIC)	Nos	1	36		
	9.2.3 Bilik Eviroment Education (EE)	Nos	1	36		
	9.2.4 Boat House	Nos	1	36		
	9.2.5 Galeri Taman Bunga Raya	Nos	1	36		
	9.2.6 Pejabat Taman Bunga Raya	Nos	1	36		
	9.1.7 Pondok Pengawal Post A,B, C & Tmn Orkid	Nos	4	36		
	9.1.8 Pondok Kaunter Tiket	Nos	2	36		
	JUMLAH DIBAWA KE M/S BQ/9					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Huraian (All Provisional)	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga(R M) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
	JUMLAH DARI M/S BQ/8					
	9.3 PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN UMUM					
	a. Pencucian dan pembersihan keseluruhan luar bangunan meliputi laluan pejalan kaki, kaki lima, longkang, tempat letak kereta, motosikal & basikal, lampu jalan, tiang bendera, tong sampah, bumbung & saluran air hujan(gutter) , longkang dan sum yang bertutup serta terbuka dan lain-lain kawasan di luar bangunan dan memastikan ia tidak tersumbat pada setiap masa. b. Menyapu dan membersihkan keseluruhan luar bangunan menggunakan alat dan bahan pencuci yang bersesuaian c. Memungut sampah sarap,tong sampah termasuk kawasan bawah tong sampah dan kawasan sekitar tong sampah dan membuang ke tempat yang ditetapkan. d. Membersihkan longkang,sum tertutup serta terbuka dengan sempurna dan tidak membiarkan air bertakung.					
	9.3.1 Bangunan Herberium	Nos	1	36		
	9.3.2 Visitor Information Center (VIC)	Nos	1	36		
	9.3.3 Bilik Eviroment Education (EE)	Nos	1	36		
	9.3.4 Boat House	Nos	1	36		
	9.3.5 Galeri Taman Bunga Raya	Nos	1	36		
	9.3.6 Kiosk Taman Orkid	Nos	8	36		
	9.3.7 Kiosk Teratai	Nos	1	36		
	9.3.8 Kiosk Taman Hikayat	Nos	6	36		
	9.3.9 Pondok Pengawal Post A,B, C & Tmn Orkid	Nos	4	36		
	9.3.10 Pondok Kaunter Tiket	Nos	2	36		
	9.3.11 Pejabat Taman Bunga Raya	Nos	1	36		
	9.3.12 Pejabat Taman Orkid	Nos	1	36		
	9.3.13 Pejabat Taman Herba dan Wangian	Nos	1	36		
	9.3.14 Pejabat Taman Rusa	Nos	1	36		
	9.3.15 Rumah Hijau	Nos	1	36		
	JUMLAH DIBAWA KE M/S BQ/10					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Huraian (All Provisional)	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga(R M) (c)	Jumlah (RM) (d= a × b × c)
	JUMLAH DARI M/S BQ/9					
	9.4 PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN (DETAIL)					
	a. Mencuci / water jet, laluan pejalan kaki dan memastikan lantai tidak licin.					
	b. Kerja-kerja pembersihan luar bangunan iaitu membersihkan segala kotoran termasuk sawang, habuk, lumut, sampah, daun kering, pokok liar dan lain – lain.					
	9.4.1 Bangunan Herberium	Nos	1	36		
	9.4.2 Visitor Information Center (VIC)	Nos	1	36		
	9.4.3 Bilik Eviroment Education (EE)	Nos	1	36		
	9.4.4 Boat House	Nos	1	36		
	9.4.5 Galeri Taman Bunga Raya	Nos	1	36		
	9.4.6 Kiosk Taman Orkid	Nos	8	36		
	9.4.7 Kiosk Teratai	Nos	1	36		
	9.4.8 Kiosk Taman Hikayat	Nos	6	36		
	9.4.9 Pondok Pengawal Post A,B, C & Tmn Orkid	Nos	4	36		
	9.4.10 Pondok Kaunter Tiket	Nos	2	36		
	9.4.11 Pejabat Taman Bunga Raya	Nos	1	36		
	9.4.12 Pejabat Taman Orkid	Nos	1	36		
	9.4.13 Pejabat Taman Herba dan Wangian	Nos	1	36		
	9.4.14 Pejabat Taman Rusa	Nos	1	36		
	9.4.15 Rumah Hijau	Nos	1	36		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 9)					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Huraian (All Provisional)	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga(R M) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
	10 PEMBERSIHAN SELURUH KAWASAN TAMAN					
	a. Menyapu, menyodok dan membersihkan kawasan kontrak daripada najis haiwan, lumpur selepas hujan dan lain-lain objek b. Kerja-kerja pembersihan di keseluruhan kawasan kontrak . Kerja yang terlibat adalah memungut, menyapu, mengutip, dan membersihkan daun gugur, dahan dan ranting gugur, pelepah kering gugur, batu batuan, sisa binaan (konkrit, besi dll), sisa makanan, minuman, botol, plastik, kotak, tayar, sisa kemalangan, sisa buangan kayu, longgokan plastik sampah, sisa landskap dan lain-lain objek yang mencacatkan pemandangan dan membuang ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan.					
	10.1.1 Taman Botani Perdana termasuk 1 meter lepas pagar, Menara Jam hingga Post A	m ²	626,400	36		
	10.1.2 Taman Orkid	m ²	25,000	36		
	10.1.3 Taman Bunga Raya	m ²	10,000	36		
	10.1.4 Taman Herba dan Wangian	m ²	6,000	36		
	10.1.5 Taman Etnobotani	m ²	25,000	36		
	10.1.6 Taman Rusa	m ²	20,000	36		
	10.2 PEMBERSIHAN TONG SAMPAH					
	a. Mengutip dan mengosongkan tong sampah dengan membuang sampah tersebut ke tempat yang dibenarkan. b. Mengutip sampah sekeliling/sekitar kawasan tong sampah dan bawah tong sampah c. Menyediakan dan meletak plastik sampah dalam semua tong sampah					
	10.2.1 Taman Botani	Nos	150	36		
	10.2.2 Taman Orkid	Nos	20	36		
	10.2.3 Taman Bunga Raya	Nos	20	36		
	10.2.4 Taman Herba dan Wangian	Nos	15	36		
	10.2.5 Taman Etnobotani	Nos	15	36		
	10.2.6 Taman Rusa	Nos	15	36		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (M/S RT/2, ITEM 10)					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BILL OF QUANTITIES

Bil	Huraian (All Provisional)	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga(R M) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
11.0	PEMBERSIHAN LANDSKAP KEJUR (PERABOT TAMAN)					
	a. Kerja-kerja mencuci keseluruhan longkang (terbuka & tertutup) termasuk sump yang terdapat dalam kawasan kontrak. Longkang mestilah bebas dari sebarang pasir, lumpur, sampah, daun, ranting,tumbuhan tumpang dan lain-lain objek yang boleh menghalang laluan air di dalam longkang b. Kerja-kerja memberus, mengelap, mencuci perabot taman seperti papan tanda, meja, kerusi, semua jenis bangku taman termasuk bangku batu,bangku granit,bangku kayu ,barbeque pit, tong sampah, wakaf, gazebo, pergola,picnic table,feeder pillar,panic button,VTA structure,CCTV,spotlight,bollard,tiang lampu, pili bomba ,amphitheater dan lain-lain yang ada dalam kawasan kontrak dari sebarang kotoran, sawang, habuk,daun kering,najis haiwan,pasir,lumpur,lumut ,tumbuhan tumpang dan lain-lain kekotoran atau objek yang tidak sepatutnya menggunakan peralatan yang bersesuaian c. Kerja-kerja memberus, mengelap, mencuci stier kaki / trek jogging / tangga / pavement / jalan /jambatan/ lantai kanopi yang ada dalam kawasan kontrak dari sebarang kotoran dan lumut menggunakan high pressure water jet d. Mencabut,membersihkan dan membuang pokok liar dll. e. Melaporkan kerosakan dan kecacatan landskap/struktur kejur f. Kerja-kerja memberus, mengelap, mencuci pagar/tembok/railing yang ada dalam kawasan kontrak dari sebarang kotoran dan lumut menggunakan peralatan yang sesuai g. Kerja-kerja memberus, mengelap, mencuci peralatan permainan kanak-kanak / alat senam termasuk lantai yang ada dalam kawasan kontrak dari sebarang kotoran dan lumut menggunakan peralatan yang sesuai h. Kerja-kerja memberus, mengelap, mencuci jeti pelantar kayu, bamboo playhouse, yang ada dalam kawasan kontrak dari sebarang kotoran dan lumut menggunakan high pressure water jet					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**
BILL OF QUANTITIES

Bil	Huraian (All Provisional)	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga(R M) (c)	Jumlah (RM) (d= a×b×c)
	11.1.1 Zon 1:-					
	11.1.1.1 Tiang Lampu	Nos	64	36		
	11.1.1.2 Gazebo/Wakaf	Nos	2	36		
	11.1.1.3 Papan Tanda	Nos	11	36		
	11.1.1.4 Jalan Tar	m ²	3,510	36		
	11.1.1.5 Trek jogging / laluan pejalan kaki	m ²	3,510	36		
	11.1.1.6 Longkang	m ²	1,804	36		
	11.1.1.7 Picnic Table	Nos	5	36		
	11.1.1.8 Tiang CCTV	Nos	1	36		
	11.1.1.9 Tiang VTA Structure	Nos	1	36		
	11.1.1.10 Tiang Emergency (Panic Button)	Nos	1	36		
	11.1.1.11 Pejalan Kaki Luar Pagar	m ²	2,293	36		
	11.1.1.12 Playground Taman Hikayat	m ²	3,246	36		
	11.1.2a Zon 2a:-					
	11.1.2a.1 Bangku Taman	Nos	8	36		
	11.1.2a.2 Station Tram	m ²	225	36		
	11.1.2a.3 Gazebo/Wakaf	Nos	1	36		
	11.1.2a.4 Papan Tanda	Nos	2	36		
	11.1.2a.5 Jambatan	m ²	50	36		
	11.1.2a.6 Jalan Tar	m ²	1,670	36		
	11.1.2a.7 Trek jogging / laluan pejalan kaki	m ²	2,476	36		
	11.1.2a.8 Longkang	m ²	953	36		
	11.1.2a.9 Pergola Sunkern Garden	m ²	246	36		
	11.1.2a.10 Tiang Lampu	Nos	48	36		
	11.1.2a.11 Laluan pejalan kaki Sunken Garden	m ²	663.6	36		
	11.1.2a.12 Tiang CCTV	Nos	3	36		
	11.1.2a.13 Longkang Sunken Garden	m ²	108.6	36		
	JUMLAH DIBAWA KE M/S BQ/14					

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI TAMAN BOTANI
PERDANA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**
BILL OF QUANTITIES

Bil	Huraian (All Provisional)	Unit	Kuantiti (a)	Bulan / Kekerapan (b)	Kadar Harga(R M) (c)	Jumlah (RM) (d= a x b x c)
	JUMLAH DARI M/S BQ/13					
	11.1.2b Zon 2b:- Taman Herba & Wangian					
	11.1.2b.1 Bangku Taman	Nos	28	36		
	11.1.2b.2 Gazebo/Wakaf	Nos	2	36		
	11.1.2b.3 Papan Tanda	Nos	2	36		
	11.1.2b.4 Laluan pejalan kaki	m ²	1166.2	36		
	11.1.2b.5 Longkang	m ²	94.9	36		
